

JABATAN AUDIT NEGARA

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

## NEGERI SEMBILAN

## TAHUN 2018

# LAPORAN
# KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI

# NEGERI SEMBILAN
# TAHUN 2018

Jabatan Audit Negara Malaysia

# KANDUNGAN

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| **PENDAHULUAN** | vii |
| **RINGKASAN EKSEKUTIF** | xi |

**BAHAGIAN I**
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | |
|---|---|
| Pendahuluan | 1 – 3 |
| Objektif dan Metodologi Pengauditan | 1 – 4 |
| Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 | 1 – 5 |

**BAHAGIAN II**
**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

| | |
|---|---|
| Latar Belakang | 2 – 3 |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri | 2 – 3 |
| Penyata Prestasi Kewangan | 2 – 3 |
| Kumpulan Wang Disatukan | 2 – 5 |
| Wang Awam | 2 – 6 |
| Akaun Hasil Disatukan | 2 – 8 |
| Akaun Pinjaman Disatukan | 2 – 17 |
| Akaun Amanah Disatukan | 2 – 17 |
| Penyata Akaun Memorandum | 2 – 30 |
| Nota Kepada Penyata Kewangan | 2 – 34 |
| Rumusan Audit | 2 – 35 |
| Syor Audit | 2 – 37 |

**BAHAGIAN III**
**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

| | |
|---|---|
| Pendahuluan | 3 – 3 |
| Pengauditan Penyata Kewangan | 3 – 3 |
| Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan | 3 – 4 |
| Pemakaian Piawaian Perakaunan | 3 – 5 |
| Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan | 3 – 6 |
| Pembentangan Penyata Kewangan | 3 – 8 |
| Analisis Prestasi Kewangan | 3 – 9 |
| Bidang Utama Audit (*Key Audit Areas*) | 3 – 19 |
| Rumusan Audit | 3 – 22 |
| Syor Audit | 3 – 24 |

**BAHAGIAN IV**
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**


| | |
|---|---|
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara | 4 – 3 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri | 4 – 3 |

| | |
|---|---|
| **PENUTUP** | 5 – 3 |

**LAMPIRAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Lampiran I | - | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri | 6 – 3 |
| Lampiran II | - | Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri | 6 – 7 |
| Lampiran III | - | Penyata Kedudukan Kewangan | 6 – 8 |
| Lampiran IV | - | Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai | 6 – 9 |
| Lampiran V | - | Penyata Prestasi Kewangan | 6 – 10 |
| Lampiran VI | - | Penyata Akaun Memorandum | 6 – 11 |
| Lampiran VII | - | Nota Kepada Penyata Kewangan | 6 – 12 |

| | |
|---|---|
| **AKRONIM** | 7 – 3 |

# PENDAHULUAN

# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:

i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta beberapa Jabatan Negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institution*s (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan/agensi Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(**DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID**)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
21 Oktober 2019

# RINGKASAN EKSEKUTIF

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## Perkara Utama

**Apa yang diaudit**

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.

**Mengapa ia penting untuk diaudit**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang ditemui Audit?**

## BAHAGIAN I
## Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

- Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

## BAHAGIAN II
## Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah RM687.76 juta, menurun sejumlah RM38.2 juta berbanding RM725.96 juta pada akhir tahun 2017
- Pada tahun 2018, kerajaan negeri mencatatkan lebihan sejumlah

RM26.45 juta berbanding RM26.31 juta pada tahun 2017.

- Kutipan hasil meningkat sejumlah RM7.78 juta (1.9%) menjadi RM421.24 juta berbanding RM413.46 juta pada tahun 2017.
- Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM15.21 juta (10.7%) menjadi RM157.16 juta iaitu daripada RM141.95 juta pada tahun 2017.
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM7.64 juta (2%) iaitu daripada RM387.15 juta pada tahun 2017 kepada RM394.79 juta pada tahun 2018.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM3.16 juta (5.8%) daripada RM54.84 juta pada tahun 2017 kepada RM51.68 juta pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM0.75 juta (4.7%) iaitu daripada RM15.90 juta pada tahun 2017 kepada RM16.65 juta pada tahun 2018.
- Pelaburan kekal pada jumlah RM47 juta pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM0.78 juta (0.1%) menjadi RM936.76 juta berbanding RM937.54 juta pada tahun 2017. Tunggakan hutang awam oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 ialah sejumlah RM276.48 juta.
- Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan berjumlah RM244,209 pada tahun 2018 berbanding defisit sejumlah RM18.16 juta pada tahun 2017. Prestasi pelaksanaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah RMKe-11 yang berakhir pada tahun 2018 adalah sejumlah RM96.29 juta (83.2%) telah dibelanjakan berbanding RM115.76 juta peruntukan yang diluluskan.

## BAHAGIAN III
## Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Setakat 30 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 10 daripada 14 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 iaitu lima (5) penyata kewangan BBN dan lima (5) penyata kewangan PBT. Empat (4) penyata kewangan BBN dan lima (5) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Manakala satu (1) penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Berteguran.
- Sebanyak satu (1) penyata kewangan iaitu Yayasan Negeri Sembilan dikeluarkan Sijil Audit Berteguran disebabkan sejumlah RM10.40 juta

penghutang perdagangan dan penghutang lain Kumpulan pada 31 Disember 2018 tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan

**Analisis Kewangan Agensi Negeri**

- Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Majlis Agama Islam (MAI)
  - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan terkumpul Badan Berkanun Negeri adalah berjumlah RM399.68 juta iaitu meningkat sejumlah RM45.59 juta (12.9%) berbanding RM354.09 juta pada tahun 2017.
  - Pada tahun 2018, jumlah aset adalah berjumlah RM740.01 juta iaitu meningkat sejumlah RM41.84 juta (6.0%) berbanding RM698.17 juta bagi tahun 2017.
  - Jumlah aset semasa bersih pada tahun 2018 adalah berjumlah RM94.14 juta iaitu menurun sejumlah RM60.05 juta (38.9%) berbanding RM154.19 juta pada tahun 2017.
  - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan semasa adalah berjumlah RM6.14 juta iaitu menurun sejumlah RM17.90 juta (74.5%) berbanding RM24.04 juta pada tahun 2017.
  - Pada 31 Disember 2018, enam (6) syarikat subsidiari yang aktif di bawah dua (2) BBN dan MAI telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM75.45 juta. Manakala dua (2) syarikat subsidiari yang dorman di bawah dua (2) BBN telah menunjukkan kerugian terkumpul masing-masing berjumlah RM3.86 juta dan RM0.66 juta.
- Prestasi Kewangan PBT
  - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, defisit keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah RM238.84 juta iaitu meningkat sejumlah RM206.70 juta (643.1%) berbanding RM32.14 juta pada tahun 2017.
  - Pada tahun 2018, jumlah hasil cukai taksiran adalah berjumlah RM170.97 juta iaitu meningkat sejumlah RM7.32 juta (4.5%) berbanding RM163.65 juta tahun 2017.
  - Jumlah tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 adalah berjumlah RM96.16 juta iaitu meningkat sejumlah RM7.40 juta (8.3%) berbanding RM88.76 juta pada tahun 2017.

**Penemuan Bidang Utama Audit**

- Geran Pembangunan
  - Dokumen sokongan tidak dapat diserahkan bagi menyokong transaksi tambahan dan pelunasan geran pembangunan. *Basis* pengiktirafan juga tidak dapat disahkan tanpa dokumen sokongan yang lengkap.
- Pinjaman
  - Pengesahan baki dari pihak penghutang pinjaman pelajaran tidak diterima dan laporan pengumuran tidak diserahkan bagi tujuan pengauditan.
- Pelaburan
  - Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari diberikan Pendapat Berteguran dan sekali gus melibatkan Pendapat Audit terhadap penyata kewangan agensi terlibat. Penyata Kewangan Agensi turut melaporkan jumlah peruntukan rosot nilai terlebih nyata dan jumlah kos pelaburan terlebih nyata bagi jumlah pelaburan dalam syarikat subsidiari. Manakala peruntukan rosot nilai terkurang nyata dilaporkan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu. Penemuan lain melibatkan penyata kewangan beraudit bagi syarikat bersekutu dan pelaburan lain tidak diterima bagi tujuan pengauditan.
- Cukai Taksiran
  - Baki akhir cukai taksiran dan baki akhir tunggakan cukai taksiran tidak sama di antara penyata kewangan dan dokumen sokongan berkaitan. Jumlah peruntukan hutang ragu yang dicatatkan di dalam penyata kewangan berbeza dengan dokumen sokongan berkaitan. Kecukupan peruntukan hutang ragu yang direkodkan juga dibangkitkan berdasarkan polisi perakaunan yang telah ditetapkan oleh pihak agensi sendiri.

# BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**
**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

| | | |
|---|---|---|
| **01.01.2018 - 31.12.2018**<br>Tahun kewangan kerajaan negeri | **31 Julai 2019**<br>Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit | **28 Januari 2019**<br>Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit |
| **Komponen Penyata Kewangan** | • Penyata Kedudukan Kewangan<br>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai<br>• Penyata Prestasi Kewangan<br>• Penyata Akaun Memorandum<br>• Nota Kepada Penyata Kewangan | |
| **Jenis Pendapat Audit** | Pendapat Tanpa Teguran | |

## 1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan disediakan oleh Bendahari Negeri berasaskan Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **28 Januari 2019**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam yang mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Sembilan dan Bendahari Negeri Sembilan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, Pelaburan Am yang terdiri daripada Deposit

Dalam Negeri jangka panjang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2018. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti kerajaan negeri adalah Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.2.5. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti dasar perakaunan dan angka perbandingan.

## 2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan telah dilaksana berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada pihak Pejabat Kewangan Negeri dan Jabatan Negeri sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Exit Conference* bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan dihadiri bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri serta ketua jabatan telah diadakan pada 23 Mei 2019.

## 3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3.1. Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan, ketinggalan dan salah nyata yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Sembilan dan Bendahari Negeri Sembilan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

# BAHAGIAN II

## ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

| PRESTASI KEWANGAN | KUMPULAN WANG DISATUKAN | AKAUN MEMORANDUM |
|---|---|---|
| ↑ HASIL | ↑ AKAUN HASIL DISATUKAN | ↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT |
| 2018 – RM421.24 juta | 2018 – RM369.30 juta | 2018 – RM51.68 juta |
| 2017 – RM413.46 juta | 2017 – RM342.85 juta | 2017 – RM54.84 juta |
| ↓ BELANJA | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | PELABURAN |
| 2018 – RM414.82 juta | 2018 - RM0 | 2018 – RM47 juta |
| 2017 – RM425.35 juta | 2017 - RM0 | 2017 - RM47 juta |
| | ↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN | ↓ HUTANG AWAM |
| | 2018 – RM318.46 juta | 2018 – RM936.76 juta |
| | 2017 – RM383.11 juta | 2017 – RM937.54 juta |

## 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018, juga membuat analisis mengikut prinsip Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

## 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

## 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Penyata ini juga menunjukkan sokongan lebihan hasil atau pembiayaan kurangan hasil melalui pergerakan dana bagi Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

Pada tahun 2018, sumber dana kerajaan negeri berjumlah RM421.24 juta adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Manakala penggunaan dana sejumlah RM414.82 juta adalah bagi membiayai perbelanjaan mengurus berjumlah RM318.53 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM96.29 juta. Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2018 menunjukkan kerajaan negeri mengalami lebihan keseluruhan sejumlah RM6.42 juta berbanding kurangan keseluruhan sejumlah RM11.89 juta pada tahun 2017. Lebihan pada tahun 2018 adalah disebabkan penurunan perbelanjaan sejumlah RM10.53 juta. Butiran Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**Prestasi Kewangan**

**2018**

Hasil
**RM421.24 juta**

Belanja
**RM 414.82 juta**

Lebihan Keseluruhan
**RM6.42 juta**

**JADUAL 1**
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| **Hasil** | **421.24** | **413.46** | **7.78** | **1.9** |
| Tolak: | | | | |
| **Perbelanjaan Mengurus** (Termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan) | 318.53 | 320.27 | -1.74 | -0.5 |
| **LEBIHAN/KURANGAN HASIL** | **102.71** | **93.19** | **9.52** | **10.2** |
| Tolak: | | | | |
| **Perbelanjaan Pembangunan** | 96.29 | 105.08 | -8.79 | -8.4 |
| **LEBIHAN/KURANGAN KESELURUHAN** | **6.42** | **-11.89** | **18.31** | **-154.0** |
| **LEBIHAN DISOKONG/KURANGAN DIBIAYAI OLEH:** | | | | |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | -20.28 | -20.04 | -0.24 | 1.2 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 26.70 | 8.15 | 18.55 | 227.6 |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | **6.42** | **-11.89** | **18.31** | **-154.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

3.2. Berdasarkan **Jadual 1**, hasil kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sejumlah RM7.78 juta (1.9%), iaitu daripada RM413.46 juta pada tahun 2017 kepada RM421.24 juta pada tahun 2018. Manakala perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan, masing-masing menunjukkan penurunan sejumlah RM1.74 juta (0.5%) dan RM8.79 juta (8.4%), iaitu menjadi RM318.53 juta dan RM96.29 juta pada tahun 2018 berbanding RM320.27 juta dan RM105.08 juta pada tahun 2017.

## 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM687.76 juta. Jumlah tersebut merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM289.54 juta dan pelaburan sejumlah RM398.22 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | **Akaun Hasil Disatukan** | **369.30** | **342.85** | **26.45** | **7.7** |
| 2. | **Akaun Pinjaman Disatukan** | **0.00** | **0.00** | **0.00** | **0.0** |
| 3. | **Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:** | **318.46** | **383.11** | **-64.65** | **-16.9** |
| | i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | *-17.03* | *-7.72* | *-9.31* | *120.6* |
| | - *Kumpulan Wang Pembangunan* | *-331.37* | *-331.62* | *0.25* | *-0.1* |
| | - *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *344.97* | *354.83* | *-9.86* | *-2.8* |
| | - *Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air* | *-30.63* | *-30.93* | *0.30* | *-1.0* |
| | ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | *112.93* | *123.37* | *-10.44* | *-8.5* |
| | iii. Akaun Wang Deposit | *222.56* | *267.46* | *-44.90* | *-16.8* |
| | **JUMLAH** | **687.76** | **725.96** | **-38.20** | **-5.3** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

**Kumpulan Wang Disatukan**

**2018**

Akaun Hasil Disatukan
**RM369.3 juta**

Akaun Pinjaman Disatukan
**RM0**

Akaun Amanah Disatukan
**RM318.46 juta**

4.2. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sejumlah RM38.2 juta (5.3%), iaitu daripada RM725.96 juta pada tahun 2017 kepada RM687.76 juta pada tahun 2018. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh penurunan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM64.65 juta (16.9%), iaitu RM318.46 juta pada tahun 2018 berbanding RM383.11 juta pada tahun 2017.

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun menunjukkan peningkatan daripada tahun 2014 hingga 2017 dan penurunan pada tahun 2018. Trend ini adalah selari dengan trend peningkatan dalam Akaun Hasil Disatukan yang meningkat daripada RM271.17 juta pada tahun 2014 kepada RM342.85 juta pada tahun 2017. Baki pada tahun 2017 adalah kedudukan yang tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

**JADUAL 3**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Akaun Hasil Disatukan** | **271.17** | **302.30** | **316.54** | **342.85** | **369.30** |
| 2. | **Akaun Pinjaman Disatukan** | **0.00** | **0.00** | **0.00** | **0.00** | **0.00** |
| 3. | **Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:** | **235.19** | **219.70** | **223.65** | **383.11** | **318.46** |
| | i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | *38.25* | *45.79* | *34.78* | *-7.72* | *-17.03* |
| | - *Kumpulan Wang Pembangunan* | *-315.78* | *-310.07* | *-313.46* | *-331.62* | *-331.37* |
| | - *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *391.16* | *387.99* | *379.17* | *354.83* | *344.97* |
| | - *Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air* | *-37.13* | *-32.13* | *-30.93* | *-30.93* | *-30.63* |
| | ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | *143.66* | *123.63* | *102.34* | *123.37* | *112.93* |
| | iii. Akaun Wang Deposit | *53.28* | *50.28* | *86.53* | *267.46* | *222.56* |
| **JUMLAH** | | **506.36** | **522.00** | **540.19** | **725.96** | **687.76** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

**CARTA 1**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang dalam tangan pada 31 Disember. Wang tunai dalam bank terdiri daripada baki Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Tetap. Akaun semasa adalah baki akaun bank yang dipegang oleh pejabat perakaunan manakala simpanan tetap adalah baki simpanan tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang. Wang tunai dalam perjalanan merupakan wang tunai yang belum dibankkan dan

wang dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Wang tunai dalam tangan terdiri daripada panjar wang runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM68.40 juta (19.1%), iaitu menjadi RM289.54 juta pada tahun 2018 berbanding RM357.94 juta pada tahun 2017. Penurunan tersebut adalah bagi membiayai aktiviti pelaburan jangka panjang kerajaan negeri sejumlah RM30.2 juta serta lain-lain pembayaran Akaun Amanah terutamanya pembayaran balik deposit pampasan tanah bagi projek Tenaga Nasional Berhad. Kedudukan wang tunai pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**KEDUDUKAN WANG TUNAI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Wang Tunai Dalam Bank | 289.37 | 357.84 | -68.47 | -19.1 |
| Wang Tunai Dalam Perjalanan | 0.07 | 0.01 | 0.06 | 600.0 |
| Wang Dalam Tangan | 0.10 | 0.09 | 0.01 | 11.1 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **289.54** | **357.94** | **-68.40** | **-19.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan dana. Pada tahun 2018, pelaburan kerajaan negeri terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang menggunakan Kumpulan Wang dan Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am, selain daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah, merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan.

5.2.2. Pada akhir tahun 2018, pelaburan kerajaan negeri yang dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan berjumlah RM398.22 juta meningkat sejumlah RM30.2 juta daripada RM368.02 juta pada tahun 2017. Peningkatan tersebut adalah kerana pemindahan daripada wang tunai dalam bank ke dalam simpanan tetap untuk Akaun Amanah dan simpanan tetap bertempoh enam (6) bulan atau lebih. Pada akhir tahun 2018 faedah yang diterima daripada keseluruhan pelaburan kerajaan negeri adalah berjumlah RM18.13 juta (RM17.93 juta pada akhir tahun 2017). Kedudukan

pelaburan kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | PELABURAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | AmBank Islamic | 211.77 | 93.00 | 118.77 | 127.7 |
| 2. | CIMB Islamic Bank | 0.00 | 77.00 | -77.00 | -100.0 |
| 3. | Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad | 54.00 | 70.00 | -16.00 | -22.9 |
| 4. | Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad | 0.25 | 50.00 | -49.75 | -99.5 |
| 5. | Akaun Amanah Institusi (ITA) Amanah Raya Berhad | 25.00 | 25.00 | 0.00 | 0.0 |
| 6. | Bank Pembangunan Malaysia Berhad | 0.00 | 16.00 | -16.00 | -100.0 |
| 7. | Malaysian Building Society Berhad (MBSB) | 92.20 | 15.77 | 76.43 | 484.7 |
| 8. | Malayan Banking Berhad | 0.00 | 11.00 | -11.00 | -100.0 |
| 9. | RHB Islamic Bank | 0.00 | 5.00 | -5.00 | -100.0 |
| 10. | Maybank Investment Berhad (Sukuk) | 5.00 | 5.00 | 0.00 | 0.0 |
| 11. | Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad | 0.00 | 0.25 | -0.25 | -100.0 |
| 12. | Amanah Saham Bank Islam | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 13. | Amconstant Multi Maturity 2 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 14. | Affin Islamic Bank Berhad | 10.0 | 0.00 | 10.00 | 100.0 |
| **JUMLAH** | | **398.22** | **368.02** | **30.20** | **8.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi sesuatu tahun kewangan.

6.2. Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2018 mencatatkan lebihan sejumlah RM26.45 juta berbanding RM26.31 juta pada tahun 2017. Baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 berjumlah RM369.30 juta berbanding RM342.85 juta pada tahun 2017 mencatat peningkatan sejumlah RM26.45 juta (7.7%) seperti dalam **Jadual 6**.



**LEBIHAN**

**2018**

**RM26.45 juta**

**JADUAL 6**
**AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 342.85 | 316.54 | 26.31 | 8.3 |
| Hasil | 421.24 | 413.46 | 7.78 | 1.9 |
| Perbelanjaan | 394.79 | 387.15 | 7.64 | 2.0 |
| **LEBIHAN/DEFISIT** | **26.45** | **26.31** | **0.14** | **0.5** |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **369.30** | **342.85** | **26.45** | **7.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

6.3. Analisis perbandingan bagi tahun 2014 hingga 2018 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend meningkat mulai tahun 2014. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM369.30 juta pada tahun 2018 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 2**.

**JADUAL 7**
**AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari | 249.59 | 271.17 | 302.30 | 316.54 | 342.85 |
| Hasil | 373.09 | 383.98 | 380.54 | 413.46 | 421.24 |
| Perbelanjaan | 351.51 | 352.85 | 366.30 | 387.15 | 394.79 |
| **LEBIHAN/DEFISIT** | **21.58** | **31.13** | **14.24** | **26.31** | **26.45** |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **271.17** | **302.30** | **316.54** | **342.85** | **369.30** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

**CARTA 2**
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

## 6.4. Hasil

6.4.1. Hasil kerajaan negeri terdiri daripada tiga (3) kategori, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2018, keseluruhan kutipan hasil sebenar adalah berjumlah RM421.24 juta. Kutipan tersebut melebihi anggaran diluluskan sejumlah RM9.24 juta (2.2%) berbanding RM412 juta anggaran yang diluluskan seperti dalam **Jadual 8.**

**JADUAL 8**
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | KATEGORI HASIL | ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta) | HASIL SEBENAR (RM Juta) | VARIAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Hasil Cukai | 154.69 | 136.42 | -18.27 | -13.4 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 201.16 | 223.37 | 22.21 | 9.9 |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 56.15 | 61.45 | 5.30 | 8.6 |
| **JUMLAH** | | **412.00** | **421.24** | **9.24** | **2.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018

6.4.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM7.78 juta (1.9%), iaitu daripada RM413.46 juta pada tahun 2017 kepada RM421.24 juta pada tahun 2018. Peningkatan tersebut disebabkan oleh peningkatan Hasil Bukan Cukai sejumlah RM18.66 juta (9.1%) kepada RM223.37 juta pada tahun 2018 berbanding RM204.71 juta pada tahun 2017. Manakala Hasil Cukai mengalami penurunan sejumlah RM1.85 juta (1.3%) kepada RM136.42 juta pada tahun 2018 berbanding RM138.27 juta pada tahun 2017. Terimaan Bukan Hasil juga menurun sejumlah RM9.03 juta (12.8%) menjadi RM61.45 juta pada tahun 2018 berbanding RM70.48 juta pada tahun 2017. Jumlah kutipan hasil mengikut kategori bagi tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9.**

**JADUAL 9**
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | KATEGORI HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Hasil Cukai | 136.42 | 138.27 | -1.85 | -1.3 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 223.37 | 204.71 | 18.66 | 9.1 |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 61.45 | 70.48 | -9.03 | - 12.8 |
| **JUMLAH** | | **421.24** | **413.46** | **7.78** | **1.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

6.4.3. Kutipan hasil hasil kerajaan negeri menunjukkan peningkatan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2016. Tahun 2018 mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun. Prestasi kutipan hasil kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 10** dan **Carta 3**.

**JADUAL 10**
**PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | KATEGORI HASIL | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Hasil Cukai | 127.35 | 130.01 | 128.08 | 138.27 | 136.42 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 173.78 | 192.59 | 186.29 | 204.71 | 223.37 |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 71.96 | 61.38 | 66.17 | 70.48 | 61.45 |
| **JUMLAH** | | **373.09** | **383.98** | **380.54** | **413.46** | **421.24** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

**CARTA 3**
**PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

**Hasil Utama Negeri**

**Cukai Tanah**
**RM128.72 juta (30.6%)**

6.4.4. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri adalah daripada kutipan cukai tanah, perolehan daripada jualan barang-barang, terimaan dari agensi kerajaan, lesen, bayaran pendaftaran dan permit serta keuntungan pembiayaan dan perolehan. Semua hasil tersebut menyumbang sejumlah RM382.59 juta (90.8%) daripada keseluruhan hasil kerajaan negeri pada tahun 2018 yang berjumlah RM421.24 juta berbanding sejumlah RM367.27 juta (88.8%) daripada RM413.46 juta pada tahun 2017. Hasil cukai tanah adalah merupakan penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tahun 2018 dan 2017. Pada tahun 2018, hasil cukai tanah menyumbang sejumlah RM128.72 juta (30.6%) berbanding RM130.38 juta (31.5%) daripada keseluruhan hasil kerajaan negeri. Manakala penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah perolehan daripada jualan barang-barang dan terimaan dari agensi kerajaan dengan masing-masing berjumlah RM121.5 juta (28.8%) dan RM56.87 juta (13.5%). Penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 11**. Manakala trend penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 11**
**PENYUMBANG UTAMA HASIL**
**KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) |
| JUMLAH HASIL | | RM421.24 Juta | | RM413.46 Juta | |
| 1. | Cukai Tanah | 128.72 | 30.6 | 130.38 | 31.5 |
| 2. | Perolehan daripada Jualan Barang-barang | 121.50 | 28.8 | 105.87 | 25.6 |
| 3. | Terimaan dari Agensi Kerajaan | 56.87 | 13.5 | 61.62 | 14.9 |
| 4. | Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 38.49 | 9.1 | 38.76 | 9.4 |
| 5. | Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan | 37.01 | 8.8 | 30.64 | 7.4 |
| **JUMLAH PENYUMBANG UTAMA HASIL** | | **382.59** | **90.8** | **367.27** | **88.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

**JADUAL 12**
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | KATEGORI HASIL | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Cukai Tanah | 119.61 | 122.35 | 120.74 | 130.38 | 128.72 |
| 2. | Perolehan daripada Jualan Barang-barang | 101.98 | 112.64 | 97.44 | 105.87 | 121.50 |
| 3. | Terimaan dari Agensi Kerajaan | 59.03 | 58.46 | 60.91 | 61.62 | 56.87 |
| 4. | Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 29.54 | 31.70 | 35.98 | 38.76 | 38.49 |
| 5. | Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan | 19.51 | 23.69 | 26.85 | 30.64 | 37.01 |
| **JUMLAH** | | **329.67** | **348.84** | **341.92** | **367.27** | **382.59** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

6.4.5. Analisis Audit mendapati lima (5) butiran hasil yang meningkat dengan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 13**. Manakala justifikasi lima (5) butiran hasil kerajaan negeri yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 yang turut dianalisis adalah seperti dalam **Jadual 14.**

**JADUAL 13**
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Premium Pemberimilikan Tanah | 77.95 | 63.78 | 14.17 | 22.2 | Peningkatan kelulusan permohonan tanah. |
| 2. | Faedah dan Hasil dari Wang Simpanan Tetap dengan Bank | 32.46 | 23.75 | 8.71 | 36.7 | Faedah daripada pertambahan simpanan tetap dan pelaburan jangka panjang. |
| 3. | Caj Air Mentah Domestik | 16.10 | 13.70 | 2.40 | 17.5 | Penjadualan semula bayaran caj air daripada SAINS sejumlah RM3 juta berbanding RM2.5 juta pada tahun 2017. |
| 4. | Pelbagai Bayaran Hukuman | 2.48 | 0.36 | 2.12 | 588.9 | Gantirugi atas kehilangan kekal hasil hutan Gunung Tampin seluas 53.39 hektar untuk tujuan pembinaan pencawang elektrik. |
| 5. | Deposit tidak dituntut | 1.90 | 0.34 | 1.56 | 458.8 | Deposit tidak dituntut bagi sembilan (9) jabatan dikredit ke Akaun Hasil Negeri. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

**JADUAL 14**
**JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL KETARA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PERUBAHAN (%) | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan | 4.11 | 10.87 | -6.76 | -62.2 | Jumlah yang diluluskan adalah RM4.11 juta sahaja berbanding RM10.87 juta pada tahun 2017. |
| 2. | Lain-lain Terimaan | 4.15 | 10.09 | -5.94 | -58.9 | Pada tahun 2017 terdapat terimaan *one off* daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM5 juta. |
| 3. | Lebihan Daripada Penutupan Akaun Amanah | 0.31 | 4.79 | -4.48 | -93.5 | Jumlah baki akaun amanah yang ditutup pada tahun 2018 (RM0.31 juta) adalah lebih rendah berbanding jumlah baki akaun amanah yang ditutup pada tahun 2017 (RM4.79 juta). |
| 4. | Bayaran Perkhidmatan yang lain | 1.12 | 2.60 | -1.48 | -56.9 | Penurunan hasil adalah disebabkan kurang transaksi urusan tanah yang melibatkan kod hasil 72499 - Bayaran Perkhidmatan Yang lain. |
| 5. | Premium Tukar Syarat | 6.32 | 8.58 | -2.26 | -26.3 | Jumlah permohonan untuk urusan pembangunan tanah seperti tukar syarat, pecah bahagian dan pecah sempadan berkurangan. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## 6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2018 berjumlah RM412 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM7 juta (1.7%) pada tahun 2018 berbanding RM405 juta pada tahun 2017. Penambahan peruntukan mengurus bagi pembelian aset mencatatkan peningkatan tertinggi sejumlah RM3.60 juta (197.8%) kepada RM5.42 juta pada tahun 2018 berbanding RM1.82 juta pada tahun 2017. Peningkatan peruntukan pembelian aset disebabkan oleh pihak kerajaan negeri memperuntukkan pembelian kenderaan rasmi kerajaan negeri dan jabatan negeri. Manakala peruntukan bagi perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap dikurangkan sejumlah RM1.70 juta (1.1%) pada tahun 2018 berbanding RM1.82 juta pada tahun 2017. Kedudukan bajet tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**
**PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PERUBAHAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Emolumen | 155.20 | 153.40 | 1.80 | 1.2 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 90.67 | 88.93 | 1.74 | 2.00 |
| 3. | Aset | 5.42 | 1.82 | 3.60 | 197.8 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 156.25 | 157.95 | -1.70 | -1.1 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 4.46 | 2.90 | 1.56 | 53.8 |
| **JUMLAH** | | **412.00** | **405.00** | **7.00** | **1.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

6.5.2. Pada tahun 2018, sejumlah RM394.79 juta (95.8%) telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM412 juta. Perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 16.**

**JADUAL 16**
**PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Emolumen | 155.20 | 151.31 | 97.5 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 90.67 | 83.91 | 92.5 |
| 3. | Aset | 5.42 | 3.93 | 72.5 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 156.25 | 151.52 | 97.0 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 4.46 | 4.12 | 92.4 |
| **JUMLAH** | | **412.00** | **394.79** | **95.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018

6.5.3. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri telah meningkat sejumlah RM7.64 juta (2%) kepada RM394.79 juta pada tahun 2018 berbanding RM387.15 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan meningkat disebabkan oleh peningkatan bayaran emolumen, aset dan perbelanjaan lain. Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 17.**



**Perbelanjaan Mengurus Negeri**

**RM394.79 juta**

**JADUAL 17**
**PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 151.31 | 146.52 | 4.79 | 3.3 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 83.91 | 84.38 | -0.47 | -0.6 |
| 3. | Aset | 3.93 | 1.70 | 2.23 | 131.2 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 151.52 | 153.57 | -2.05 | -1.3 |
| 5. | Perbelanjaan Lain | 4.12 | 0.98 | 3.14 | 320.4 |
| **JUMLAH** | | **394.79** | **387.15** | **7.64** | **2.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

6.5.4. Perbelanjaan bagi emolumen, aset dan perbelanjaan lain menunjukkan peningkatan masing-masing sejumlah RM4.79 juta (3.3%), RM2.23 juta (131.2%) dan RM3.14 juta (320.4%). Pertambahan bayaran emolumen antaranya disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan kakitangan dan bayaran khas kepada penjawat awam Negeri. Perbelanjaan aset pula meningkat disebabkan oleh pembelian kenderaan rasmi kerajaan. Manakala punca utama perbelanjaan lain meningkat disebabkan oleh bayaran balik hasil, hapuskira dan bayaran perintah mahkamah.

6.5.5. Analisis Audit dijalankan ke atas butiran perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2018 berbanding perbelanjaan tahun 2017. Justifikasi bagi butiran perbelanjaan mengurus yang meningkat dengan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 berdasarkan analisis Audit adalah seperti dalam **Jadual 18**. Manakala justifikasi butiran perbelanjaan mengurus kerajaan negeri yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 yang turut dianalisis adalah seperti dalam **Jadual 19.**

**JADUAL 18**
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN KETARA**
**PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | 17000 – Bantuan Khas Kewangan | 5.08 | 0.00 | 5.08 | 100.0 | Pembayaran *one off* bantuan khas kewangan kepada penjawat awam Negeri. |
| 2. | 52000 – Bayaran Lain | 2.69 | 0.08 | 2.61 | 3,262.5 | Pembayaran melibatkan kes saman yang telah ditetapkan oleh Mahkamah. |
| 3. | 47000 - Ganjaran | 6.81 | 0.28 | 6.53 | 2,332.1 | Pembayaran ganjaran kepada bekas ADUN. |
| 4. | 34000 – Kenderaan dan Jentera | 2.18 | 0.68 | 1.50 | 220.6 | Pembelian kenderaan baru di tiga (3) jabatan negeri. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

**JADUAL 19**
**JUSTIFIKASI PENURUNAN KETARA**
**PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | 32000 – Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 0.00 | 0.02 | -0.02 | -100.0 | Pengurangan jumlah pembayaran kerja pembaikan. |
| 2. | 15000 – Faedah Kewangan Yang Lain | 0.48 | 3.77 | -3.29 | -87.3 | Pengurangan jumlah pembayaran elaun-elaun, bayaran balik pembelian telefon, utiliti, yuran, lesen dan lain-lain. |
| 3. | 45000 - Faedah, Dividen dan Bayaran Hutang Kerajaan | 2.00 | 9.90 | -7.90 | -79.8 | Pengurangan jumlah pembayaran hutang awam. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

### 6.5.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Bayaran ini boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut. Secara keseluruhannya, pembayaran di bawah AP58(a) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri meningkat sejumlah RM342,097

(103.5%) menjadi RM0.67 juta pada tahun 2018 berbanding RM330,443 pada tahun 2017. Maklumat pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20.**

**JADUAL 20**
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JABATAN | 2018 (RM) | 2017 (RM) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM) | (%) |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | 495,668 | 322,062 | 173,606 | 53.9 |
| 2. | Pejabat DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan | 128,456 | 0 | 128,456 | 100.0 |
| 3. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 16,488 | 0 | 16,488 | 100.0 |
| 4. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 7,002 | 0 | 7,002 | 100.0 |
| 5. | Pejabat Daerah dan Tanah Jempol | 3,856 | 5,000 | -1,144 | -22.9 |
| 6. | Jabatan Kehakiman dan Syariah | 3,274 | 0 | 3,274 | 100.0 |
| 7. | Jabatan Kerja Raya | 3,200 | 3,381 | -181 | -5.4 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 3,090 | 0 | 3,090 | 100.0 |
| 9. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian | 2,909 | 0 | 2,909 | 100.0 |
| 10. | Jabatan Kebajikan Masyarakat | 2,240 | 0 | 2,240 | 100.0 |
| 11. | Pejabat Daerah dan Tanah Rembau | 1,837 | 0 | 1,837 | 100.0 |
| 12. | Pejabat Kewangan Negeri | 1,730 | 0 | 1,730 | 100.0 |
| 13. | Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah | 1,490 | 0 | 1,490 | 100.0 |
| 14. | Pejabat Daerah dan Tanah Tampin | 1,000 | 0 | 1,000 | 100.0 |
| 15. | Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas | 300 | 0 | 300 | 100.0 |
| **JUMLAH** | | **672,540** | **330,443** | **342,097** | **103.5** |

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

b. Bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2018 melibatkan 134 baucar bayaran bagi 15 jabatan untuk bayaran yuran guaman kes mahkamah (perkhidmatan tahun 2013), bayaran rawatan perubatan kakitangan dan pesara, bayaran saman lalu lintas, bayaran Gantian Cuti Rehat, bayaran ganjaran pekerja kontrak, bayaran tuntutan elaun serta bil-bil perkhidmatan dan utiliti. Analisis Audit mengenai bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2018 melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

i. Daripada 134 baucar berjumlah RM0.67 juta, sebanyak 55 baucar bayaran berjumlah RM220,611 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima.

ii. Terdapat pembayaran AP58(a) tahun 2018 adalah bagi transaksi sebelum tahun 2017, iaitu 13 bil saman trafik bertarikh dari tahun 1999 hingga 2017 berjumlah RM46,935. Satu (1) bil tahun 2013 berkaitan kes mahkamah berjumlah RM108,610 dan 36 bil perubatan (Bil dari tahun 2016 hingga 2017) berjumlah RM131,040.

iii. Tempoh pembayaran AP58(a) bagi tahun 2018 merekodkan 116 baucar bayaran berjumlah RM581,380 dibayar dalam tempoh Januari hingga Jun 2018. Manakala 18 baucar bayaran berjumlah RM91,160 dibayar dalam tempoh Julai hingga Disember 2018. Kelewatan menerima tuntutan/bil dari pegawai/pembekal merupakan punca utama pembayaran di bawah AP58(a).

c. Analisis Audit mengenai bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2019, sehingga Mac 2019, daripada 53 baucar berjumlah RM309,479, sebanyak sembilan (9) baucar bayaran berjumlah RM27,183 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima.

d. Bagaimanapun, kesemua pembayaran di bawah AP58(a) tahun 2018 dan 2019 yang tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri untuk pembayaran.

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2018, tiada pinjaman diterima oleh kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun Pinjaman Disatukan telah berbaki sifar pada akhir tahun 2018.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Amanah Disatukan menurun sejumlah RM64.65 juta (16.9%) kepada RM318.46 juta berbanding RM383.11 juta pada tahun 2017. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**
**AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan: | -17.03 | -7.72 | -9.31 | -120.6 |
| - *Kumpulan Wang Pembangunan* | *-331.37* | *-331.62* | *0.25* | *-0.1* |
| - *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *344.97* | *354.83* | *-9.86* | *-2.8* |
| - *Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air* | *-30.63* | *-30.93* | *0.3* | *-1.0* |
| ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 112.93 | 123.37 | -10.44 | -8.5 |
| iii. Akaun Wang Deposit | 222.56 | 267.46 | -44.90 | -16.8 |
| **JUMLAH** | **318.46** | **383.11** | **-64.65** | **-16.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

8.2. Analisis Audit mendapati penurunan baki Akaun Amanah Disatukan adalah disebabkan oleh penurunan baki Akaun Wang Deposit berjumlah RM44.9 juta (16.8%) kepada RM222.56 juta pada tahun 2018 berbanding RM267.46 juta pada tahun 2017. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam juga menurun sejumlah RM10.44 juta (8.5%) menjadi RM112.93 juta pada tahun 2018 berbanding RM123.37 juta pada tahun 2017. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan juga menurun sejumlah RM9.31 juta (120.6%) menjadi baki defisit RM17.03 juta pada tahun 2018 berbanding RM7.72 juta pada tahun 2017. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 22.**

**JADUAL 22**
**AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BUTIRAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|
| i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan: | 38.25 | 45.79 | 34.78 | -7.72 | -17.03 |
| - *Kumpulan Wang Pembangunan* | *-315.78* | *-310.07* | *-313.46* | *-331.62* | *-331.37* |
| - *Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air* | *-37.13* | *-32.13* | *-30.93* | *-30.93* | *-30.63* |
| - *Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan* | *391.16* | *387.99* | *379.17* | *354.83* | *344.97* |
| ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 143.66 | 123.63 | 102.34 | 123.37 | 112.93 |
| iii. Akaun Wang Deposit | 53.28 | 50.28 | 86.53 | 267.46 | 222.56 |
| **JUMLAH** | **235.19** | **219.70** | **223.65** | **383.11** | **318.46** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 hingga 2018

## 8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga, Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.3.2. Baki defisit Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM9.31 juta (120.6%) menjadi baki defisit RM17.03 juta pada tahun 2018 berbanding RM7.72 juta pada tahun 2017. Penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disebabkan oleh penurunan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM9.86 juta (2.8%) menjadi RM344.97 juta pada tahun 2018 berbanding RM354.83 juta pada tahun 2017. Selain itu baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan menurun sejumlah RM244,209 (0.1%) kepada RM331.37 juta pada tahun 2018 berbanding RM331.62 juta pada tahun 2017. Baki defisit Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air juga menurun sejumlah RM300,000 (1.0%) menjadi RM30.63 juta pada tahun 2018 berbanding RM30.93 juta pada tahun 2017. Kedudukan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 23.**

**JADUAL 23**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | BUTIRAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Kumpulan Wang Pembangunan | -331.37 | -331.62 | 0.25* | -0.1 |
| 2. | Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air | -30.63 | -30.93 | 0.30 | -1.0 |
| 3. | Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 344.97 | 354.83 | -9.86 | -2.8 |
| | *i. Akaun Penyelesaian* | *10.58* | *25.13* | *-14.55* | *-57.9* |
| | *ii. Akaun Pinjaman* | *11.38* | *10.51* | *0.87* | *8.3* |
| | *iii. Kumpulan Wang Luar Jangka* | *2.00* | *2.00* | *0.00* | *0.0* |
| | *iv. Pelbagai Kumpulan Wang* | *321.01* | *317.19* | *3.82* | *1.2* |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | | **-17.03** | **-7.72** | **-9.31** | **120.6** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - RM244,209

## 8.4. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 406, Tahun 1966). Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup serta sewa Rumah Awam Kos Rendah. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

### 8.4.1. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2018 Berbanding 2017

Pada tahun 2018, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan berjumlah RM244,209 berbanding defisit sejumlah RM18.16 juta pada tahun 2017. Lebihan berlaku disebabkan terimaan sejumlah RM96.54 juta berbanding pembayaran sejumlah RM96.29 juta. Pada tahun 2018, perbelanjaan pembangunan juga

**Kumpulan Wang Pembangunan**

**2018**

**Lebihan**
**RM244,209**
Berbanding defisit RM18.16 juta pada tahun 2017

menurun sejumlah RM8.79 juta (8.4%) kepada RM96.29 juta berbanding RM105.08 juta pada tahun 2017. Dengan ini, baki defisit pada akhir tahun 2018 bagi Kumpulan Wang Pembangunan telah berkurang sejumlah RM244,209 (0.1%) menjadi RM331.37 juta berbanding RM331.62 juta pada tahun 2017. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | -331.62 | -313.46 | -18.16 | 5.8 |
| Terimaan | 96.54 | 86.92 | 9.62 | 11.1 |
| Perbelanjaan | 96.29 | 105.08 | -8.79 | -8.4 |
| **LEBIHAN/DEFISIT** | **0.25*** | **-18.16** | **18.41** | **-101.4** |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **-331.37** | **-331.62** | **0.25*** | **-0.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - RM244,209

### 8.4.2. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

a. Bagi menjayakan RMKe-11, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM700 juta bagi tempoh 2016 hingga 2020. Sejumlah RM120 juta merupakan peruntukan bagi program perkhidmatan masyarakat (bukan projek fizikal) kepada Pejabat Menteri Besar dan sejumlah RM580 juta lagi diperuntukkan kepada tujuh (7) jabatan bagi projek pembangunan. Peruntukan yang diagihkan di bawah RMKe-11 bagi tempoh 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**
**PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**
**DI BAWAH RMKe-11 BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2020**

| BIL. | JABATAN | PERUNTUKAN (RM Juta) |
|---|---|---|
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 256.00 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar * | 120.00 |
| 3. | Jabatan Kerja Raya | 100.00 |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 67.00 |
| 5. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 70.00 |
| 6. | Jabatan Pertanian | 50.00 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 28.00 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 9.00 |
| **JUMLAH** | | **700.00** |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri
Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal

b. Pada tahun 2018, sejumlah RM115.76 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 282 projek yang dirancang. Tiada peruntukan tambahan bagi perbelanjaan pembangunan dibuat pada tahun 2018. Lima (5) daripada lapan (8) Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM44.02 juta (38%), Pejabat Menteri Besar sejumlah RM23.2 juta (20%), Jabatan Pengairan dan Saliran sejumlah RM10 juta (8.6%), Jabatan Pertanian sejumlah RM9.97 juta (8.6%) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sejumlah RM9 juta (7.8%). Agihan peruntukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan pelaksana serta bilangan projek pembangunan RMKe-11 yang diluluskan pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**Pembangunan RMKe-11**

**2018**

8 Jabatan + Luar Jangka
**RM115.76 juta**

Bilangan Projek
**282**

**JADUAL 26**
**JABATAN PELAKSANA DAN BILANGAN PROJEK RMKe-11 BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PERUNTUKAN | | BIL. PROJEK DILULUSKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 44.02 | 38.0 | 178 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar * | 23.20 | 20.0 | 0 |
| 3. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 10.00 | 8.6 | 28 |
| 4. | Jabatan Pertanian | 9.97 | 8.6 | 7 |
| 5. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 9.00 | 7.8 | 41 |
| 6. | Jabatan Kerja Raya | 8.57 | 7.4 | 15 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 5.72 | 4.9 | 7 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 3.78 | 3.3 | 6 |
| 9. | Peruntukan Luar Jangka** | 1.50 | 1.3 | 0 |
| **JUMLAH** | | **115.76** | | **282** |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri
Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal
(**) - Kerja luar jangka

### 8.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

**a. Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2018 Berbanding Peruntukan**

**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11**

**2018**

**RM96.29 juta (83.2%)**

Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM96.29 juta (83.2%) daripada RM115.76 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2018 bagi membiayai pelbagai projek pembangunan. Pejabat Setiausaha Kerajaan mencatatkan perbelanjaan tertinggi, iaitu sejumlah RM32.06 juta atau 33.3% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018. Perbelanjaan tersebut adalah bagi membiayai perbelanjaan 177 projek. Pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi

tahun 2018 berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah antara 40.7% hingga 99.8% adalah seperti dalam **Jadual 27.**

**JADUAL 27**
**PRESTASI PERBELANJAAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PERATUS PERBELANJAAN (%) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | BERBANDING PERUNTUKAN | BERBANDING JUMLAH PERBELANJAAN |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 44.02 | 32.06 | 72.8 | 33.3 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar * | 23.20 | 23.15 | 99.8 | 24.0 |
| 3. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 10.00 | 9.75 | 97.5 | 10.1 |
| 4. | Jabatan Pertanian | 9.97 | 8.62 | 86.5 | 9.0 |
| 5. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 9.00 | 7.32 | 81.3 | 7.6 |
| 6. | Jabatan Kerja Raya | 8.57 | 7.28 | 84.9 | 7.6 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 5.72 | 4.52 | 79.0 | 4.7 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 3.78 | 2.98 | 78.8 | 3.1 |
| 9. | Peruntukan Luar Jangka | 1.50 | 0.61 | 40.7 | 0.6 |
| **JUMLAH** | | **115.76** | **96.29** | **83.2** | **100.00** |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri
Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal

### b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 Tahun 2018

**Prestasi Projek Pembangunan RMKe-11**
**2018**
**275 projek (97.5%)**

Sebanyak 282 projek telah dirancang untuk dilaksana pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut sebanyak 275 projek telah berjaya disiapkan manakala lima (5) projek lagi sedang dilaksanakan, satu (1) projek lewat jadual dan satu (1) projek telah dibatalkan. Hanya satu projek pembangunan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dibatalkan, iaitu projek pembinaan tandas di Pantai Batu 5, Port Dickson berjumlah RM350,000 kerana kelewatan dalam melaksanakan proses perolehan. Butir lanjut adalah seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | BIL. PROJEK DILULUSKAN | STATUS PROJEK | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SIAP | SEDANG LAKSANA | LEWAT JADUAL | BELUM MULA/ TANGGUH/BATAL |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 178 | 172 | 5 | - | 1 |
| 2. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 41 | 41 | - | - | - |
| 3. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 28 | 28 | - | - | - |
| 4. | Jabatan Kerja Raya | 15 | 14 | - | 1 | - |
| 5. | Jabatan Pertanian | 7 | 7 | - | - | - |
| 6. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 7 | 7 | - | - | - |
| 7. | Jabatan Perhutanan | 6 | 6 | - | - | - |
| **JUMLAH** | | **282** | **275** | **5** | **1** | **1** |
| **PERATUS (%)** | | | **97.5** | **1.8** | **0.35** | **0.35** |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

## 8.5. Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan. Mulai tahun 2009, pengurusan air di Negeri Sembilan telah dikorporatkan melalui penubuhan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada akhir tahun 2018 berbaki debit sejumlah RM30.63 juta berbanding baki debit RM30.93 juta tahun 2017. Kumpulan wang ini akan ditutup apabila pengurusan air diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 5 Oktober 2011, baki debit Kumpulan wang ini akan dihapus kira secara berperingkat daripada perbelanjaan mengurus kerajaan negeri mulai tahun 2013. Pada tahun 2018, bayaran hapus kira sejumlah RM300,000 telah dibuat melalui perbelanjaan mengurus.

## 8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Pelbagai Kumpulan Wang, Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Pada akhir tahun 2018, baki Kumpulan wang menurun sejumlah RM9.86 juta (2.8%) menjadi RM344.97 juta berbanding RM354.83 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, terdapat satu (1) Akaun Pinjaman yang tidak aktif sejak tahun 2003 berjumlah RM482,803 yang masih tidak boleh diambil tindakan penyelesaian kerana terdapat baki pinjaman yang tidak dapat dikenal pasti. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 29.**

**JADUAL 29**
**KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | AKAUN AMANAH | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Pelbagai Kumpulan Wang | 321.01 | 317.19 | 3.82 | 1.2 |
| 2. | Akaun Penyelesaian | 10.58 | 25.13 | -14.55 | -57.9 |
| 3. | Akaun Pinjaman | 11.38 | 10.51 | 0.87 | 8.3 |
| 4. | Kumpulan Wang Luar Jangka | 2.00 | 2.00 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **344.97** | **354.83** | **-9.86** | **-2.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan

i. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi membiayai kos penyenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Berdasarkan rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS), panjang jalan negeri pada 31 Disember 2018 adalah 14,828.81 km.

ii. Pada tahun 2018, baki akhir kumpulan wang menurun sejumlah RM0.52 juta (0.2%) menjadi berjumlah RM313.42 juta berbanding RM313.94 juta pada tahun 2017. Pengurangan ini disebabkan oleh perbelanjaan berjumlah RM232.45 juta adalah lebih tinggi (100.2%) berbanding terimaan yang berjumlah RM231.93 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 30.**

**JADUAL 30**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN RAYA BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 313.94 | 320.30 | -6.36 | -2.0 |
| Penerimaan | 231.93 | 225.17 | 6.76 | 3.0 |
| Pembayaran | 232.45 | 231.53 | 0.92 | 0.4 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **313.42** | **313.94** | **-0.52** | **-0.2** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

iii. Para 7.2 di dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) menyatakan bahawa Pegawai Pengawal dibenarkan untuk memperuntukkan pemberian ini untuk membiayai perbelanjaan pengurusan berkaitan dengan penyenggaraan jalan negeri dengan had tidak melebihi 5% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan tahun sebelumnya atau RM5 juta, mana yang lebih rendah. Para 7.3 pula menerangkan perbelanjaan pengurusan berkaitan dengan penyenggaraan jalan negeri bermaksud perbelanjaan tidak langsung seperti emolumen kakitangan kontrak, pembelian peralatan penyenggaraan dan pembelian peralatan pejabat penyenggaraan kecuali kenderaan pejabat.

iv. Perbelanjaan pengurusan (Perbelanjaan di bawah Kod Objek 10000) Akaun Amanah ini pada tahun 2018 adalah berjumlah RM13.17 juta, iaitu 5.7% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan negeri tahun sebelumnya. Jumlah tersebut melebihi had yang ditetapkan di dalam Para 7.2, Garis Panduan MARRIS.

v. Selain itu, perbelanjaan pengurusan tersebut adalah termasuk pembayaran emolumen untuk perjawatan tetap MARRIS, JKR Negeri Sembilan. Perkara ini adalah bertentangan dengan ketetapan di bawah Para 7.3 Garis Panduan MARRIS.

vi. Perkara tersebut telah dibincangkan ke peringkat Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia di mana JKR Negeri Sembilan memohon kelulusan penggunaan melebihi had bagi perbelanjaan pengurusan dengan justifikasi pelaksanaan penyenggaraan jalan negeri masih dilaksanakan oleh jabatan sendiri kerana ia lebih menjimatkan wang awam berbanding konsesi kepada syarikat sepertimana yang dilaksanakan di negeri lain.

vii. Berikutan daripada itu, Kementerian Kewangan Malaysia bersetuju memberikan kelulusan khas ke atas perbelanjaan pengurusan berjumlah RM13.17 juta yang telah dibelanjakan bagi tujuan bayaran emolumen kakitangan JKR Negeri yang melaksanakan tugasan penyenggaraan jalan di tujuh (7) daerah di Negeri Sembilan. Sungguhpun demikian, Kerajaan Negeri Sembilan diberikan peringatan dan amaran agar perkara ini tidak berulang lagi pada masa hadapan dan Garis Panduan MARRIS hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

### 8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan wang ini mengakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan orang awam. Sebanyak 42 Akaun Amanah Awam yang terdiri daripada 41 Akaun Amanah Am dan satu (1) Akaun Amanah Khas diselenggara pada tahun 2018. Baki kumpulan wang pada akhir tahun 2018, menurun sejumlah RM10.44 juta (8.5%) kepada RM112.93 juta berbanding RM123.37 juta pada tahun 2017. Analisis mengenai Akaun Amanah Awam utama kerajaan negeri adalah seperti berikut:

#### a. Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

i. Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan hutan.

Akaun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Sumber dana akaun ini adalah peruntukan kerajaan negeri, pinjaman atau pemberian Kerajaan Persekutuan, kutipan ses pembangunan hutan atau lain-lain wang yang dipungut di bawah undang-undang hutan.

ii. Baki akhir Akaun Amanah pada akhir tahun 2018 berjumlah RM1.01 juta berbanding RM1.57 juta pada tahun 2017. Penerimaan pada tahun 2018 berjumlah RM2.34 juta terdiri daripada peruntukan daripada kerajaan negeri sejumlah RM1 juta dan baki RM1.34 juta adalah merupakan pungutan ses perhutanan dan silvikultur. Kedudukan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 31.**

**JADUAL 31**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 1.57 | 1.31 | 0.26 | 19.8 |
| Penerimaan | 2.34 | 2.74 | -0.40 | -14.6 |
| *- Peruntukan Kerajaan Negeri* | *1.00* | *1.00* | *0.00* | *0.0* |
| *- Kutipan Ses Perhutanan dan Silvikultur* | *1.34* | *1.74* | *-0.40* | *-23.0* |
| Pembayaran | 2.90 | 2.48 | 0.42 | 16.9 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **1.01** | **1.57** | **-0.56** | **-35.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

**b. Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Projek Rumah Awam Harga Rendah**

i. Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan daripada sumber pemberian Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau sumber lain bagi membiayai pembangunan Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) dan pembiayaan lain yang berkaitan dengan RAHR di Negeri Sembilan.

ii. Pada akhir tahun 2018, baki akaun berjumlah RM37.3 juta berbanding RM33.64 juta pada tahun 2017. Penerimaan pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM4.53 juta (119.5%) menjadi RM8.32 juta berbanding RM3.79 juta pada tahun 2017. Peningkatan terimaan tersebut adalah kerana peningkatan jumlah kutipan sewa. Kedudukan kumpulan wang amanah ini pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 32.**

**JADUAL 32**
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PEMBIAYAAN PROJEK RUMAH AWAM HARGA RENDAH BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 33.64 | 32.37 | 1.27 | 3.9 |
| Penerimaan | 8.32 | 3.79 | 4.53 | 119.5 |
| Pembayaran | 4.66 | 2.52 | 2.14 | 84.9 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **37.30** | **33.64** | **3.66** | **10.9** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## c. Akaun Amanah Projek Pembangunan Bekalan Air

i. Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk membiayai kos pembangunan projek bekalan air Negeri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga selesai atau sehingga projek bekalan air yang berkenaan siap sepenuhnya. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana akaun ini adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

ii. Pada tahun 2018, tiada pinjaman bekalan air diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pembayaran daripada akaun ini menurun sejumlah RM3.75 juta (85.8%) daripada RM4.37 juta pada tahun 2017 kepada RM0.62 juta pada tahun 2018 kerana semua projek pembangunan bekalan air telah siap dilaksanakan dan baki adalah untuk bayaran muktamad. Baki pada akhir tahun 2018 berjumlah RM8.86 juta menurun sejumlah RM0.62 juta (6.5%) berbanding RM9.48 juta pada tahun 2017. Kedudukan kumpulan wang amanah ini pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 33.**

**JADUAL 33**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH PROJEK PEMBANGUNAN BEKALAN AIR BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 9.48 | 13.85 | -4.37 | -31.6 |
| Penerimaan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| Pembayaran | 0.62 | 4.37 | -3.75 | -85.8 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **8.86** | **9.48** | **-0.62** | **-6.5** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## d. Akaun Amanah Permasalahan Rakyat

i. Akaun Amanah ini ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan semua terimaan dan pembayaran berkaitan dengan penyelesaian permasalahan rakyat. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana Akaun ini adalah melalui pemberian kerajaan negeri dan sumbangan awam.

Pembayaran yang dibuat adalah berkaitan program bantuan kemiskinan, menaiktaraf/membaikpulih infrastruktur dan kemudahan awam, menaiktaraf/membaikpulih jalan kampung dan aduan lain berkaitan dengan permasalahan rakyat.

ii. Pada tahun 2018, sejumlah RM7.23 juta terimaan telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini. Terimaan berkurang sejumlah RM1.2 juta (14.2%) berbanding RM8.43 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, sejumlah RM1.9 juta merupakan sumbangan kerajaan negeri, RM4.50 juta adalah pindahan daripada akaun Amanah Program dan Projek Transformasi Negeri Sembilan dan terimaan lain berjumlah RM0.83 juta. Kedudukan kumpulan wang amanah pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 34.**

**JADUAL 34**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH**
**PERMASALAHAN RAKYAT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 9.10 | 7.32 | 1.78 | 24.3 |
| Penerimaan | 7.23 | 8.43 | -1.20 | -14.2 |
| Pembayaran | 13.99 | 6.65 | 7.34 | 110.4 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **2.34** | **9.10** | **-6.76** | **-74.3** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

### e. Akaun Amanah Pengambilan Tanah

Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan yang berkaitan pengambilan tanah. Akaun ini dikawal oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2018, pembayaran pampasan pengambilan balik tanah melalui Akaun ini adalah berjumlah RM6,640. Baki akaun pada akhir tahun 2018 berjumlah RM7.62 juta. Kedudukan kumpulan wang amanah pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 35.**

**JADUAL 35**
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH**
**PENGAMBILAN TANAH BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 7.63 | 7.89 | -0.26 | -3.3 |
| Penerimaan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| Pembayaran | 0.01 | 0.26 | -0.25 | -96.2 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER** | **7.62** | **7.63** | **-0.01** | **-0.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

## 8.8. Akaun Deposit

a. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2018, kerajaan negeri mempunyai tiga (3) kategori deposit, iaitu Deposit Am Jabatan, Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit-deposit Lain. Kedudukan Akaun Wang Deposit berdasarkan kategori pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 36.**

**JADUAL 36**
**KEDUDUKAN AKAUN WANG DEPOSIT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JABATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN (RM Juta) | PERUBAHAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Deposit Am Jabatan Negeri | 204.21 | 248.78 | -44.57 | -17.9 |
| 2. | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 15.47 | 15.91 | -0.44 | -2.8 |
| 3. | Deposit-deposit Lain | 2.88 | 2.77 | 0.11 | 4.0 |
| | *a. Deposit RAHR* | *1.75* | *1.76* | *-0.01* | *-0.6* |
| | *b. Akaun Cagaran* | *1.02* | *0.91* | *0.11* | *12.1* |
| | *c. Deposit-deposit Lain dan Akaun Cagaran* | *0.11* | *0.10* | *0.01* | *10.0* |
| **JUMLAH** | | **222.56** | **267.46** | **-44.90** | **-16.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

b. Baki akaun deposit pada tahun 2018 menurun sejumlah RM44.9 juta (16.8%) menjadi RM222.56 juta berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM267.46 juta. Penurunan tersebut antaranya adalah berpunca daripada pembayaran deposit Tenaga Nasional Berhad bagi maksud pengambilan tanah yang dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat dengan pembinaan pencawang elektrik di lima (5) daerah.

c. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan kepada pendeposit dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Sembilan (9) jabatan/pejabat telah mengambil tindakan pewartaan deposit berjumlah RM1.9 juta yang melibatkan 369 pendeposit dari tahun 2007 hingga 2016 seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**
**JABATAN/PEJABAT YANG MENGAMBIL TINDAKAN PEWARTAAN DEPOSIT PADA TAHUN 2018**

| BIL. | PEJABAT | BILANGAN PENDEPOSIT | TEMPOH DEPOSIT DITERIMA | JUMLAH DEPOSIT (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan | 227 | 2013 - 2015 | 0.81 |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Seremban | 49 | 2013 - 2016 | 0.74 |
| 3. | Jabatan Perhutanan Negeri | 51 | 2013 - 2015 | 0.18 |
| 4. | Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas | 17 | 2009 - 2015 | 0.08 |
| 5. | Pejabat Daerah dan Tanah Rembau | 12 | 2013 - 2016 | 0.04 |
| 6. | Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah | 5 | 2011 - 2013 | 0.02 |
| 7. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan | 1 | 2016 | 0.01 |
| 8. | Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson | 4 | 2010 - 2013 | 0.01 |
| 9. | Pejabat Daerah dan Tanah Jempol | 3 | 2007 - 2013 | 0.01 |
| **JUMLAH** | | **369** | | **1.90** |

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Akaun ini terdiri daripada Akaun Memorandum Aset dan Akaun Memorandum Liabiliti. Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan Kerajaan Negeri manakala Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

### 9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat milik kerajaan negeri. Sumber dana bagi membiayai pinjaman kepada agensi tersebut adalah daripada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

9.1.2. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 menurun sejumlah RM3.16 juta (5.8%) menjadi RM51.68 juta berbanding RM54.84 juta pada tahun 2017. Baki tersebut merupakan baki pinjaman oleh dua (2) Badan Berkanun Negeri, dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan dan satu (1) syarikat milik kerajaan negeri. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 38.**

**Pinjaman Boleh Tuntut**

**2018**

Badan Berkanun Negeri
**RM37.50 juta**

Pihak Berkuasa Tempatan
**RM 8.13 juta**

Syarikat Kerajaan Negeri
**RM6.05 juta**

**JADUAL 38**
**BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | AGENSI | SUMBER PINJAMAN | JUMLAH PINJAMAN (RM Juta) | BAKI HUTANG | | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | | | | | | |
| 1 | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | Persekutuan | 37.23 | 28.97 | 30.39 | -1.42 | -4.7 |
| 2 | Yayasan Negeri Sembilan | Negeri | 13.31 | 8.53 | 9.7 | -1.17 | -12.1 |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | | | | | | |
| 1 | Majlis Perbandaran Seremban | Persekutuan | 9.46 | 7.96 | 8.16 | -0.2 | -2.5 |
| 2 | Majlis Daerah Rembau | Negeri | 1.02 | 0.17 | 0.25 | -0.08 | -32 |
| **SYARIKAT KERAJAAN NEGERI** | | | | | | | |
| 1 | Syarikat Imapro Sdn. Bhd. | Persekutuan | 22.64 | 6.05 | 6.34 | -0.29 | -4.6 |
| **JUMLAH** | | | **83.66** | **51.68** | **54.84** | **-3.16** | **-5.8** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

9.1.3. Pada tahun 2018, kesemua lima (5) agensi yang menerima pinjaman daripada kerajaan negeri telah membuat bayaran balik berjumlah RM4.19 juta yang terdiri daripada bayaran balik pokok sejumlah RM3.16 juta dan bayaran balik faedah sejumlah RM1.03 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh agensi pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 39.**

**JADUAL 39**
**KEDUDUKAN BAYARAN BALIK**
**PINJAMAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | AGENSI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 1.59 | 1.84 | -0.25 | -13.6 |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | 1.79 | 1.67 | 0.12 | 7.2 |
| 3. | Majlis Perbandaran Seremban | 0.20 | 0.20 | 0.00 | 0.0 |
| 4. | Majlis Daerah Rembau | 0.07 | 0.07 | 0.00 | 0.0 |
| 5. | Majlis Daerah Kuala Pilah | 0.00 | 0.06 | -0.06 | 100.0 |
| 6. | Syarikat Imapro Sdn. Bhd. | 0.54 | 0.54 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH** | | **4.19** | **4.38** | **-0.19** | **-4.3** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

9.1.4. Pada tahun 2018, tunggakan bayaran balik pinjaman oleh agensi kepada kerajaan negeri adalah berjumlah RM16.65 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM13.57 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM3.08 juta. Tunggakan tersebut telah meningkat sejumlah RM0.75 juta (4.7%) berbanding RM15.9 juta pada tahun 2017. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 40.**

**JADUAL 40**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**
**PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | AGENSI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 14.50 | 15.00 | -0.50 | -3.3 |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | 2.15 | 0.90 | 1.25 | 138.9 |
| **JUMLAH** | | **16.65** | **15.90** | **0.75** | **4.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

9.1.5. Pinjaman Boleh Dituntut hendaklah dibuat bayaran balik dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga akhir tahun 2018, terdapat tiga (3) pinjaman bagi satu (1) Badan Berkanun Negeri yang sepatutnya telah diselesaikan tetapi masih belum dibuat bayaran balik sepenuhnya. Kerajaan negeri sedang berusaha untuk menyelesaikan perkara ini dengan agensi terbabit. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 41.**

**JADUAL 41**
**KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**
**YANG SEPATUTNYA TELAH DISELESAIKAN BAYARAN**

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | SYARAT BAYARAN BALIK | TARIKH SEPATUTNYA SELESAI | BAKI BELUM SELESAI 31 DIS 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|
| **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN** | | | | |
| 1. | Projek Kompleks Bandar Baru Serting | Lapan anuiti, bayaran pertama pada 30.9.1991 | 30.09.1998 | 8.66 |
| 2. | Projek Perumahan Bukit Chedang | Dua anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1983 | 30.12.1984 | 4.12 |
| 3. | Kawasan Perusahaan Simpang Pertang | Empat anuiti, bayaran pertama pada 23.4.1985 | 23.04.1988 | 1.72 |
| **JUMLAH** | | | | **14.50** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018

## 9.2. Memorandum Aset - Pelaburan

Pada tahun 2018, pelaburan di Akaun Memorandum adalah berjumlah RM47 juta. Tiada penambahan pelaburan dibuat pada tahun 2018. Kedudukan pelaburan di Penyata Akaun Memorandum bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 42.**

**Pelaburan**

**2018**
Deposit Jangka Panjang
**RM42 juta**

Sukuk
**RM5 juta**

**JADUAL 42**
**PELABURAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

| BIL. | PERIHAL PELABURAN | 2014 (RM Juta) | 2015 (RM Juta) | 2016 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Akaun Amanah Institusi (ITA) Amanah Raya Berhad | 17.00 | 40.00 | 40.00 | 25.00 | 25.00 |
| 2. | AmBank Islamic | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 10.00 | 17.00 |
| 3. | Bank Pembangunan Malaysia Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 7.00 | 0.00 |
| 4. | Sukuk Danainfra Nasional Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 5.00 | 5.00 |
| 5. | Malaysia Building Society Berhad | 0.00 | 2.00 | 2.00 | 0.00 | 0.00 |
| 6. | Amanah Saham Bank Islam | 0.85 | 0.85 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| **JUMLAH** | | **17.85** | **42.85** | **42.00** | **47.00** | **47.00** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014 Hingga 2018

## 9.3. Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

a. Kerajaan negeri menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan. Baki Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 menurun sejumlah RM0.78 juta (0.1%) menjadi RM936.76 juta berbanding RM937.54 juta pada tahun 2017. Kedudukan Hutang Awam pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

**Hutang Awam**

Pembiayaan projek pembangunan Negeri

**RM936.76 juta**

**JADUAL 43**
**KEDUDUKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Rancangan Bekalan Air | 721.28 | 721.28 | 0.00 | 0.0 |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah | 77.81 | 77.81 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 18.02 | 18.49 | -0.47 | -2.5 |
| 4. | Pelbagai | 119.65 | 119.96 | -0.31 | -0.3 |
| **JUMLAH** | | **936.76** | **937.54** | **-0.78** | **-0.1** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

b. Pada tahun 2018, tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sejumlah RM44.77 juta (19.3%) menjadi RM276.48 juta berbanding RM231.71 juta pada tahun 2017. Tunggakan sejumlah RM276.48 juta terdiri daripada tunggakan pokok berjumlah RM269.5 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM6.98 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 44.**

**JADUAL 44**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN**
**BALIK HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Rancangan Bekalan Air | 199.02 | 162.83 | 36.19 | 22.2 |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah | 3.56 | 0.00 | 3.56 | 100.0 |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 0.62 | 0.00 | 0.62 | 100.0 |
| 4. | Pelbagai | 73.28 | 68.88 | 4.40 | 6.4 |
| **JUMLAH** | | **276.48** | **231.71** | **44.77** | **19.3** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

c. Tunggakan bayaran balik pinjaman tersebut melibatkan tunggakan bagi enam (6) projek Rancangan Bekalan Air berjumlah RM199.02 juta yang belum diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), empat (4) projek Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM3.56 juta, satu (1) projek Perbadanan Kemajuan Negeri berjumlah RM0.62 juta dan lima (5) projek Pelbagai berjumlah RM73.28 juta.

## 10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

### 10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) ataupun tunggakan hasil adalah merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh kerajaan negeri berasaskan kepada bil, invois dan sebagainya. Pada tahun 2018, ABT bagi 20 pemungut hasil berjumlah RM157.16 juta meningkat sejumlah RM15.21 juta (10.7%) berbanding RM141.95 juta pada tahun 2017. Kedudukan ABT pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 45.**

**Akaun Belum Terima**



**2018**

ABT tertinggi
- Cukai Tanah
**RM73.73 juta (46.9%)**

**JADUAL 45**
**AKAUN BELUM TERIMA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | JENIS HASIL | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Cukai Tanah (PDT)/Denda Lewat | 73.73 | 58.51 | 15.22 | 26.0 |
| 2. | Caj Air Mentah (BKSA) | 32.27 | 33.97 | -1.70 | -5.0 |
| 3. | Jualan Air (JBA) | 29.76 | 29.97 | -0.21 | -0.7 |
| 4. | Hasil-hasil Lain | 21.40 | 19.50 | 1.90 | 9.7 |
| **JUMLAH** | | **157.16** | **141.95** | **15.21** | **10.7** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

10.1.2. Peningkatan ABT disebabkan oleh peningkatan cukai tanah di Pejabat Tanah sejumlah RM15.22 juta (26%) kepada RM73.73 juta berbanding RM58.51 juta pada tahun 2017. ABT bagi Hasil-hasil Lain juga meningkat sejumlah RM1.9 juta (9.7%) kepada RM21.4 juta pada tahun 2018 berbanding RM19.5 juta pada tahun 2017. ABT Hasil-hasil Lain terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM16.66 juta, tunggakan sewa bangunan kediaman kerajaan (Rumah Awam Harga Rendah) berjumlah RM3.41 juta, duti hiburan berjumlah RM1.27 juta dan hasil pelbagai berjumlah RM0.06 juta.

10.1.3. Manakala ABT di bawah Badan Kawal Selia Air (BKSA) berjumlah RM32.27 juta, jualan air di bawah Jabatan Bekalan Air berjumlah RM29.76 juta masing-masing merekodkan penurunan sejumlah RM1.7 juta (5%) dan RM0.21 juta

(0.7%) pada tahun 2018. ABT di bawah BKSA merupakan caj air mentah berjumlah RM29.67 juta dan tunggakan *guaranteed payments* berjumlah RM2.6 juta.

10.1.4. Pada keseluruhannya, ABT Pejabat Tanah meningkat sejumlah RM15.22 juta (26%) kepada RM73.73 juta berbanding RM58.51 juta pada tahun 2017. Empat (4) Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan tunggakan cukai tanah antara 20.4% hingga 57.5%. Manakala empat (4) Pejabat Tanah yang lain menunjukkan penurunan antara 1% hingga 14.3%. Tunggakan cukai tanah mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 46.**

**JADUAL 46**
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT PEJABAT DAERAH DAN TANAH BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

| BIL. | PEJABAT DAERAH DAN TANAH | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Seremban | 53.36 | 39.14 | 14.22 | 36.3 |
| 2. | Port Dickson | 13.83 | 13.97 | -0.14 | -1.0 |
| 3. | Jempol | 2.65 | 1.68 | 0.97 | 57.7 |
| 4. | Tampin | 1.17 | 1.30 | -0.13 | -10.0 |
| 5. | Kuala Pilah | 0.94 | 0.63 | 0.31 | 49.2 |
| 6. | Rembau | 0.65 | 0.69 | -0.04 | -5.8 |
| 7. | Gemas | 0.65 | 0.54 | 0.11 | 20.4 |
| 8. | Jelebu | 0.48 | 0.56 | -0.08 | -14.3 |
| **JUMLAH** | | **73.73** | **58.51** | **15.22** | **26.0** |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 dan 2017

10.1.5. Pada tahun 2018, hapus kira ABT hanya dilaksanakan ke atas jumlah tunggakan cukai tanah. Hapus kira dilaksanakan selepas aktiviti pembersihan data yang melibatkan kes hak milik yang bertindih dan pengeluaran Notis 8A (Perintah Perampasan Tanah) serta sejumlah RM28.75 juta ABT telah dihapus kira.

## 11. RUMUSAN AUDIT

11.1. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2018 adalah stabil.

11.1.1. baki Kumpulan Wang Disatukan mencatatkan penurunan sejumlah RM38.2 juta (5.3%) kepada RM687.76 juta pada tahun 2018 berbanding RM725.96 juta pada tahun 2017;

11.1.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan peningkatan daripada RM342.85 juta pada tahun 2017 kepada RM369.3 juta pada tahun 2018. Lebihan yang direkodkan pada tahun 2018 adalah RM26.45 juta;

11.1.3. baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM3.16 juta (5.8%) kepada RM51.68 juta pada tahun 2018 berbanding RM54.84 juta pada tahun 2017;

11.1.4. baki Hutang Awam juga menurun sejumlah RM0.78 juta (0.1%) menjadi RM936.76 juta pada akhir tahun 2018 berbanding RM937.54 juta pada tahun 2017;

11.1.5. jumlah tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah meningkat pada tahun 2018 sejumlah RM44.77 juta (19.3%) menjadi RM276.48 juta berbanding RM231.71 juta pada tahun 2017; dan

11.1.6. Akaun Belum Terima bagi tahun 2018 meningkat sejumlah RM15.21 juta (10.7%) menjadi RM157.16 juta berbanding RM141.95 juta pada tahun 2017.

## 12. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangan kerajaan negeri adalah disyorkan:

12.1. pengurusan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan hendaklah mematuhi Garis Panduan MARRIS dan peraturan kewangan yang ditetapkan;

12.2. kerajaan negeri perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar kerajaan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri; dan

12.3. usaha perlu diteruskan bagi memungut Akaun Belum Terima sejumlah RM157.16 juta yang termasuk tunggakan pinjaman daripada agensi negeri sejumlah RM16.65 juta.

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

# BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

### FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI

| PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018 | **Bilangan agensi negeri**<br>5 Badan Berkanun Negeri<br>8 Pihak Berkuasa Tempatan<br>1 Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) | **10 akaun yang telah disahkan**<br>9 Pendapat Tanpa Teguran<br>1 Pendapat Berteguran |
|---|---|---|
| **Badan Berkanun Negeri dan MAI**<br>↓ RM17.90 juta Lebihan Semasa<br>↓ RM60.05 juta Aset Semasa Bersih | **Pihak Berkuasa Tempatan**<br>↑ RM206.70 juta Defisit Semasa<br>↓ RM12.30 juta Aset Semasa Bersih | **Cukai Taksiran**<br>↑ RM7.32 juta Semasa<br>↑ RM7.40 juta Tunggakan |

## 1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## 2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2018, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 14 penyata kewangan bagi tahun 2018 untuk agensi lima (5) BBN, lapan (8) PBT dan satu (1) MAI. Daripada jumlah tersebut, lima (5) merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, lapan (8) penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MAI dan Majlis Sukan Negeri (MSN) manakala baki 12 penyata kewangan dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957

yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

## 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 30 Ogos 2019, kesemua lima (5) BBN dan lapan (8) PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 14 agensi terlibat, 11 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 April 2019 bagi BBN dan MAI serta 31 Mei 2019 bagi PBT. Manakala tiga (3) agensi, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH PENYERAHAN |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) | 20.03.2019 |
| 2. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS) | 29.03.2019 |
| 3. | Majlis Sukan Negeri Sembilan (MSN) | 29.03.2019 |
| 4. | Yayasan Negeri Sembilan (YNS) | 30.04.2019 |
| 5. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) | 07.05.2019 |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM** | | |
| 1. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) | 31.05.2019 |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban (MPS) | 31.05.2019 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai (MPN) | 31.05.2019 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) | 02.05.2019 |
| 4. | Majlis Perbandaran Jempol (MPJ) | 30.05.2019 |
| 5. | Majlis Daerah Jelebu (MDJ) | 31.05.2019 |
| 6. | Majlis Daerah Tampin (MDT) | 30.05.2019 |
| 7. | Majlis Daerah Rembau (MDR) | 30.05.2019 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) | 01.06.2019 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang

Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1.

4.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards* (FRS)/*Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.3. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

| BIL. | PIAWAIAN PERAKAUNAN | BIL. AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) | 6 |
| 2. | *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS)/*Financial Reporting Standards* (FRS) | 0 |
| 3. | *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) | 8 |
| | **JUMLAH** | **14** |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disedia berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan dua (2) jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

### 5.2. Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila Juruaudit ingin menyatakan Pendapat Bolehubah seperti berikut:

#### 5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

**a. Perenggan *Emphasis of Matter***

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan Juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

**b. Perenggan Perkara Lain**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan Juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab Juruaudit atau Laporan Audit.

### 5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

**a. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

**b. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

**c. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh Juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun Juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 30 Ogos 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 10 penyata kewangan tahun 2018, iaitu lima (5) penyata kewangan BBN dan lima (5) penyata kewangan PBT. Kesemua 10 penyata kewangan BBN dan PBT telah dikeluarkan sembilan (9) Pendapat Tanpa Teguran serta satu (1) Pendapat Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis Pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2015 sehingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**
**KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 SEHINGGA 2018**

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT | TAHUN KEWANGAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1. | Pendapat Tanpa Teguran | 14 | 11 | 12 | 9 |
| 2. | Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* | - | 2 | 1 | - |
| 3. | Pendapat Berteguran | - | 1 | 1 | 1 |
| 4. | Pendapat Bertentangan | - | - | - | - |
| 5. | Pendapat Penafian | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | | **14** | **14** | **14** | **10** |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 - 2018

5.4. Bagi 10 penyata kewangan BBN dan PBT yang telah disahkan, empat (4) penyata kewangan BBN dan lima (5) penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Manakala satu (1) penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN |
|---|---|---|
| 1. | Yayasan Negeri Sembilan | **Penghutang Perdagangan dan Penghutang Lain Kumpulan**<br>Penghutang perdagangan dan penghutang lain Kumpulan pada 31 Disember 2018 keseluruhannya berjumlah RM14.07 juta. Sejumlah RM10.40 juta tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan. |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi 2018

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan Laporan Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak 14 penyata kewangan tahun 2017 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara.

6.1. Penyata kewangan tahun 2017 bagi 13 agensi telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala Penyata Kewangan MSN yang telah dibuat pengesahan tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | TARIKH PEMBENTANGAN DUN |
|---|---|---|
| **BADAN BERKANUN NEGERI** | | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 17.12.2018 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 25.09.2018 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | 17.12.2018 |
| 4. | Yayasan Negeri Sembilan | 17.12.2018 |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM** | | |
| 1. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan | 17.12.2018 |
| **PIHAK BERKUASA TEMPATAN** | | |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | 17.12.2018 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | 17.12.2018 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | 17.12.2018 |
| 4. | Majlis Perbandaran Jempol | 17.12.2018 |
| 5. | Majlis Daerah Jelebu | 17.12.2018 |
| 6. | Majlis Daerah Tampin | 17.12.2018 |
| 7. | Majlis Daerah Rembau | 17.12.2018 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah | 17.12.2018 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi adalah berdasarkan kepada 14 penyata kewangan agensi bagi tahun 2018 yang telah diterima setakat 30 Ogos 2019. Daripada 14 penyata kewangan yang diterima, 10 penyata kewangan telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara manakala empat (4) penyata kewangan masih dalam pengauditan.

### 7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi lima (5) BBN dan MAI adalah baik berbanding tahun 2017. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM45.59 juta (12.9%) dan jumlah aset meningkat sejumlah RM41.84 juta (6.0%). Bagaimanapun, aset semasa bersih menurun sejumlah RM60.05 juta (38.9%) berbanding tahun 2017. Selain itu, lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa juga menurun sejumlah RM17.90 juta (74.5%) berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan lima (5) BBN dan



**Lebihan Pendapatan Terkumpul**
**RM45.59 juta**

**Jumlah Aset**
**RM41.84 juta**

**Aset Semasa Bersih**
**RM60.05 juta**

**Untung Semasa**
**RM17.90 juta**

MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 DAN 2018**

| BIL. | PERKARA | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Lebihan Pendapatan Terkumpul | 399.68 | 354.09 | 45.59 | 12.9 |
| 2. | Jumlah Aset | 740.01 | 698.17 | 41.84 | 6.0 |
| 3. | Aset Semasa Bersih | 94.14 | 154.19 | -60.05 | -38.9 |
| 4. | Lebihan Pendapatan Semasa | 6.14 | 24.04 | -17.90 | -74.5 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2018, tiga (3) BBN dan MAI mencatatkan lebihan manakala dua (2) BBN, iaitu LMNS dan MSN mencatatkan defisit bagi tahun semasa. MAINS memperoleh lebihan pendapatan tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang berjumlah RM2.63 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 8.31 | 6.64 | 1.67 | 69.99 | 5.49 | 64.50 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 7.97 | 7.51 | 0.46 | 5.15 | 0.59 | 4.56 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | 2.97 | 3.11 | -0.14 | 1.28 | 0.01 | 1.27 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri | 6.98 | 7.30 | -0.32 | 5.46 | 0.14 | 5.32 |
| 5. | Yayasan Negeri Sembilan | 14.60 | 12.76 | 1.84 | 23.74 | 16.34 | 7.40 |
| 6. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 159.88 | 157.25 | 2.63 | 63.09 | 52.00 | 11.09 |
| | **JUMLAH** | **200.71** | **194.57** | **6.14** | **168.71** | **74.57** | **94.14** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018
Nota: (*) – Belum Beraudit

### 7.1.3. Analisis Aset

a. Aset semasa dan aset bukan semasa bagi BBN dan MAI terdiri daripada aset seperti hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh lima (5) BBN dan MAI

adalah bernilai RM740.01 juta berbanding RM698.17 juta pada 31 Disember 2017, iaitu peningkatan sejumlah RM41.84 juta (6.0%). PKNNS mencatatkan peningkatan nilai aset yang ketara pada 31 Disember 2018 berbanding, 31 Disember 2017 iaitu sejumlah RM37.13 juta (16.0%). Kedudukan aset pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**
**KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 269.45 | 232.32 | 37.13 | 16.0 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 21.60 | 21.20 | 0.40 | 1.9 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | 5.45 | 5.72 | -0.27 | -4.7 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri | 5.46 | 5.67 | -0.21 | -3.7 |
| 5. | Yayasan Negeri Sembilan | 134.04 | 128.20 | 5.84 | 4.5 |
| 6. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 304.01 | 305.06 | -1.05 | -0.3 |
| **JUMLAH** | | **740.01** | **698.17** | **41.84** | **6.0** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) – Belum Beraudit

b. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih menurun sejumlah RM60.05 juta (38.9%), iaitu daripada RM154.19 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM94.14 juta pada 31 Disember 2018. Kedudukan aset semasa bersih pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 9**.



**Jumlah Aset Semasa Bersih**

**2018 - RM94.14 juta**
**2017 - RM154.19 juta**

**JADUAL 9**
**KEDUDUKAN ASET SEMASA BERSIH PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 64.50 | 64.49 | 0.01 | 0.02 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 4.56 | 4.93 | -0.37 | -7.5 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | 1.27 | 1.58 | -0.31 | -19.6 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri | 5.32 | 5.64 | -0.32 | -5.7 |
| 5. | Yayasan Negeri Sembilan | 7.40 | 9.69 | -2.29 | -23.6 |
| 6. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 11.09 | 67.86 | -56.77 | -83.6 |
| **JUMLAH** | | **94.14** | **154.19** | **-60.05** | **-38.9** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

### 7.1.4. Analisis Pelaburan



**Jumlah Pelaburan**

**2018 - RM202.10 juta**
**2017 - RM209.85 juta**

Pada 31 Disember 2018, jumlah pelaburan bagi lima (5) BBN dan MAI adalah sejumlah RM202.10 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan hartanah, pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sejumlah RM7.75 juta (3.7%), iaitu daripada RM209.85 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM202.10 juta pada 31 Disember 2018 seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**
**KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta) | | SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta) | | LAIN-LAIN (RM Juta) | | JUMLAH (RM Juta) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 | 2018 | 2017 |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 4.08 | 4.08 | 17.66 | 18.29 | 3.74 | 5.60 | 25.48 | 27.97 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | - | - | - | - | 3.51 | 3.49 | 3.51 | 3.49 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | - | - | - | - | 0.93 | 0.62 | 0.93 | 0.62 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri | - | - | - | - | 4.27 | 4.14 | 4.27 | 4.14 |
| 5. | Yayasan Negeri Sembilan | 4.99 | 5.85 | 0.69 | 0.63 | 26.09 | 18.73 | 31.77 | 25.21 |
| 6. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 12.01 | 1.25 | - | - | 124.13 | 147.17 | 136.14 | 148.42 |
| **JUMLAH** | | **21.08** | **11.18** | **18.35** | **18.92** | **162.67** | **179.75** | **202.10** | **209.85** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

### 7.1.5. Analisis Liabiliti



**Jumlah Liabiliti**

**2018 - RM156.50 juta**
**2017 - RM163.69 juta**

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi lima (5) BBN dan MAI menurun sejumlah RM7.19 juta (4.4%), iaitu daripada RM163.69 juta pada 31 Disember 2017 kepada RM156.50 juta pada 31 Disember 2018. Manakala dua (2) BBN mencatatkan peningkatan liabiliti, iaitu YNS dan MSN. Kedudukan liabiliti BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**
**KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI**
**DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 43.83 | 47.73 | -3.90 | -8.2 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 11.84 | 11.90 | -0.06 | -0.5 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | 0.01 | 0.05 | -0.04 | -80.0 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri | 0.14 | 0.03 | 0.11 | 366.7 |
| 5. | Yayasan Negeri Sembilan | 21.60 | 21.22 | 0.38 | 1.8 |
| 6. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 79.08 | 82.76 | -3.68 | -4.4 |
| **JUMLAH** | | **156.50** | **163.69** | **-7.19** | **-4.4** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

### 7.1.6. Analisis Nisbah

a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi BBN dan MAI adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan melebihi satu (1) bagi kesemua agensi.

b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Selain itu, ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pemiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi. Analisis kecairan dan kestabilan lima (5) BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**
**ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN**
**BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | NISBAH SEMASA | NISBAH CEPAT | MODAL KERJA (RM Juta) | ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta) | NISBAH HUTANG |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 12.75 | 12.75 | 64.50 | -2.05 | 0.16 |
| 2. | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan | 8.68 | 8.68 | 4.56 | -0.19 | 0.55 |
| 3. | Lembaga Muzium Negeri Sembilan | 103.87 | 103.87 | 1.27 | -0.40 | 0.00 |
| 4. | Majlis Sukan Negeri | 39.0 | 39.0 | 5.32 | -0.20 | 0.03 |
| 5. | Yayasan Negeri Sembilan | 1.45 | 1.45 | 7.40 | 1.21 | 0.16 |
| 6. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 1.21 | 1.21 | 11.09 | -13.20 | 0.26 |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018
Nota: (*) - Belum Beraudit

## 7.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

### 7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, PKNNS melabur sejumlah RM21.74 juta dalam empat (4) syarikat, YNS melabur sejumlah RM5.68 juta dalam tujuh (7) syarikat, dan MAINS melabur sejumlah RM12.01 juta dalam tiga (3) syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**Jumlah Pelaburan**

| | |
|---|---|
| PKNNS | **RM21.74 juta** |
| YNS | **RM5.68 juta** |
| MAINS | **RM12.01 juta** |

**JADUAL 13**
**ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM**
**ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018**

| PELABURAN | AGENSI NEGERI | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PKNNS | YNS | MAINS | |
| Anak Syarikat (100%) | 1 | 3 | 3 | 7 |
| Anak Syarikat (>50%) | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Syarikat Bersekutu (<50%) | 2 | 4 | 0 | 6 |
| **JUMLAH SYARIKAT** | **4** | **7** | **3** | **14** |
| **PELABURAN (RM Juta)** | **21.74** | **5.68** | **12.01** | **39.43** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

### 7.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati dua (2) BBN dan MAI memiliki ekuiti melebihi 50% dalam lapan (8) anak syarikat yang enam (6) daripadanya berstatus aktif. Bilangan anak syarikat BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**
**BILANGAN ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | AGENSI NEGERI | BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | STATUS AKTIF | STATUS DORMAN | JUMLAH SYARIKAT |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 1 | 1 | 2 |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | 2 | 1 | 3 |
| 3. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 3 | 0 | 3 |
| **JUMLAH** | | **6** | **2** | **8** |

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

### 7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, sebanyak enam (6) anak syarikat yang aktif di bawah dua (2) BBN dan MAI mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM75.45 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati dua (2) anak syarikat BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM4.52 juta. Antara anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul bersih tertinggi ialah anak syarikat kepada PKNNS sejumlah RM53.50 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN dan MAI bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**Keuntungan Terkumpul**
6 Anak Syarikat BBN & MAI
**RM75.45 juta**

**Kerugian Terkumpul**
2 Anak Syarikat BBN
**RM4.52 juta**

**JADUAL 15**
**ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

| BIL. | BBN/MAI | KEUNTUNGAN TERKUMPUL | | KERUGIAN TERKUMPUL | | KEUNTUNGAN/ KERUGIAN TERKUMPUL BERSIH (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BIL. ANAK SYARIKAT | JUMLAH (RM Juta) | BIL. ANAK SYARIKAT | JUMLAH (RM Juta) | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 1 | 57.36 | 1 | (3.86) | 53.50 |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | 2 | 4.28 | 1 | (0.66) | 3.62 |
| 3. | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan * | 3 | 13.81 | 0 | - | 13.81 |
| **JUMLAH** | | **6** | **75.45** | **2** | **(4.52)** | **70.93** |

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Tahun 2018

## 7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

**Defisit**

**2018 - RM238.84 juta**
**2017 - RM32.14 juta**

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya prestasi kewangan PBT telah mencatatkan peningkatan defisit sejumlah RM206.70 juta (643.1%) berbanding tahun sebelumnya sejumlah RM32.14 juta di mana defisit keseluruhan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 sejumlah RM238.84 juta. Semua PBT mencatatkan defisit bagi tahun 2018. Prestasi kewangan MDJ mencatatkan defisit sejumlah RM4.41 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 menurun kepada RM4.08 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 iaitu penurunan sejumlah RM0.33 juta (7.5%). Penurunan defisit ini adalah disebabkan oleh penurunan perbelanjaan hapus kira dan perbelanjaan pembangunan. Kedudukan prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti **Jadual 16** dan kedudukan perubahan lebihan/defisit PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 16**
**KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 | | | PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENDAPATAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | 126.04 | 259.98 | -133.94 | 110.08 | 41.92 | 68.16 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | 105.15 | 162.49 | -57.34 | 70.11 | 68.03 | 2.08 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | 55.11 | 56.60 | -1.49 | 32.44 | 18.28 | 14.16 |
| 4. | Majlis Daerah Tampin | 19.47 | 33.53 | -14.06 | 16.45 | 8.28 | 8.17 |
| 5. | Majlis Daerah Rembau | 7.44 | 14.46 | -7.02 | 4.43 | 6.69 | -2.26 |
| 6. | Majlis Perbandaran Jempol * | 17.80 | 28.91 | -11.11 | 11.15 | 2.11 | 9.04 |
| 7. | Majlis Daerah Jelebu * | 8.01 | 12.09 | -4.08 | 6.21 | 7.40 | -1.19 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah * | 14.06 | 23.86 | -9.80 | 7.71 | 9.08 | -1.37 |
| | **JUMLAH** | **353.08** | **591.92** | **-238.84** | **258.58** | **161.79** | **96.79** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018
Nota: (*) - Belum Beraudit

**JADUAL 17**
**KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT BAGI**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 | 2017 | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | LEBIHAN/ DEFISIT (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | -133.94 | -9.91 | -124.03 | -1,251.6 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | -57.34 | -12.55 | -44.79 | -356.9 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | -1.49 | -0.68 | -0.81 | -119.1 |
| 4. | Majlis Daerah Tampin | -14.06 | -1.28 | -12.78 | -998.4 |
| 5. | Majlis Daerah Rembau | -7.02 | -1.54 | -5.48 | -355.8 |
| 6. | Majlis Perbandaran Jempol * | -11.11 | -1.59 | -9.52 | -598.7 |
| 7. | Majlis Daerah Jelebu * | -4.08 | -4.41 | 0.33 | 7.5 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah * | -9.80 | -0.18 | -9.62 | -5,344.4 |
| | **JUMLAH** | **-238.84** | **-32.14** | **-206.70** | **-643.1** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

### 7.3.2. Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2018, aset semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM96.79 juta iaitu menurun sejumlah RM12.30 juta (11.3%) berbanding RM109.09 juta pada 31 Disember 2017. Satu (1) PBT mencatatkan peningkatan

dalam aset semasa bersih, empat (4) PBT mencatatkan pengurangan dalam aset semasa bersih, dua (2) PBT mencatatkan peningkatan liabiliti semasa bersih dan satu (1) PBT mencatatkan pengurangan dari aset semasa bersih kepada liabiliti semasa bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Tiga (3) PBT mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu MDR, MDKP dan MDJ pada tahun 2018. Hal ini disebabkan peningkatan dalam pelbagai pemiutang dan deposit bagi MDR, peningkatan dalam pelbagai akaun belum bayar bagi MDKP. Manakala bagi MDJ ini disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan terakru. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih PBT pada tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**
**ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31 DISEMBER 2017 DAN 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TAHUN 2018 | | | TAHUN 2017 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta) | ASET SEMASA (RM Juta) | LIABILITI SEMASA (RM Juta) | ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta) |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | 110.08 | 41.92 | 68.16 | 108.96 | 39.44 | 69.52 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | 70.11 | 68.03 | 2.08 | 77.44 | 69.75 | 7.69 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | 32.44 | 18.28 | 14.16 | 28.45 | 13.24 | 15.21 |
| 4. | Majlis Daerah Tampin | 16.45 | 8.28 | 8.17 | 15.73 | 7.99 | 7.74 |
| 5. | Majlis Daerah Rembau | 4.43 | 6.69 | -2.26 | 4.20 | 5.61 | -1.41 |
| 6. | Majlis Perbandaran Jempol * | 11.15 | 2.11 | 9.04 | 11.25 | 1.23 | 10.02 |
| 7. | Majlis Daerah Jelebu * | 6.21 | 7.40 | -1.19 | 6.54 | 6.81 | -0.27 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah * | 7.71 | 9.08 | -1.37 | 7.28 | 6.69 | 0.59 |
| **JUMLAH** | | **258.58** | **161.79** | **96.79** | **259.85** | **150.76** | **109.09** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

### 7.3.3. Hasil Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran



**Hasil Cukai Taksiran**

**2018 - RM170.97 juta**
**2017 - RM163.65 juta**

a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018 sejumlah RM170.97 juta cukai taksiran telah diiktiraf oleh lapan (8) PBT Negeri Sembilan. Hasil cukai taksiran tahun 2018 meningkat sejumlah RM7.32 juta (4.5%) berbanding RM163.65 juta

hasil cukai taksiran pada tahun 2017. Hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**
**HASIL CUKAI TAKSIRAN**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | 61.83 | 60.76 | 1.07 | 1.8 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | 56.76 | 53.10 | 3.66 | 6.9 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | 31.11 | 29.27 | 1.84 | 6.3 |
| 4. | Majlis Daerah Tampin | 5.73 | 5.39 | 0.34 | 6.3 |
| 5. | Majlis Daerah Rembau | 1.94 | 1.70 | 0.24 | 14.1 |
| 6. | Majlis Perbandaran Jempol * | 5.95 | 5.82 | 0.13 | 2.2 |
| 7. | Majlis Daerah Jelebu * | 2.20 | 2.18 | 0.02 | 0.9 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah * | 5.45 | 5.43 | 0.02 | 0.4 |
| **JUMLAH** | | **170.97** | **163.65** | **7.32** | **4.5** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

b. Penyata Kewangan bagi lapan (8) PBT menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM96.16 juta iaitu peningkatan sejumlah RM7.40 juta (8.3%) berbanding RM88.76 juta tahun sebelumnya. Analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati satu (1) PBT telah mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan terperinci tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.



**Tunggakan Cukai Taksiran**

**2018 - RM96.16 juta**
**2017 – RM88.76 juta**

**JADUAL 20**
**TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN**
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | 2018 (RM Juta) | 2017 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | 31.05 | 30.57 | 0.48 | 1.6 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | 34.80 | 31.51 | 3.29 | 10.4 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | 19.31 | 16.72 | 2.59 | 15.5 |
| 4. | Majlis Daerah Tampin | 3.56 | 3.41 | 0.15 | 4.4 |
| 5. | Majlis Daerah Rembau | 1.60 | 1.17 | 0.43 | 36.8 |
| 6. | Majlis Perbandaran Jempol * | 2.28 | 2.19 | 0.09 | 4.1 |
| 7. | Majlis Daerah Jelebu * | 1.83 | 1.42 | 0.41 | 28.9 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah * | 1.73 | 1.77 | -0.04 | -2.3 |
| **JUMLAH** | | **96.16** | **88.76** | **7.40** | **8.3** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017
Nota: (*) - Belum Beraudit

### 7.3.4. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

**Pendapatan**

**RM353.08 juta**

**Tunggakan Cukai Taksiran**

**RM96.16 juta (27.2%)**

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi lapan (8) PBT adalah RM353.08 juta. Manakala, tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM96.16 juta. Terdapat dua (2) PBT yang mempunyai tunggakan cukai taksiran melebihi 25.0% daripada pendapatan tahunan. Peningkatan tunggakan cukai taksiran perlu diambil tindakan serius untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan semasa PBT yang berkenaan. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**
**PERATUS TUNGGAKAN BERBANDING**
**PENDAPATAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2018**

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | TUNGGAKAN (RM Juta) | PENDAPATAN (RM Juta) | TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Majlis Perbandaran Seremban | 31.05 | 126.04 | 24.6 |
| 2. | Majlis Perbandaran Nilai | 34.80 | 105.15 | 33.1 |
| 3. | Majlis Perbandaran Port Dickson | 19.31 | 55.11 | 35.0 |
| 4. | Majlis Daerah Tampin | 3.56 | 19.47 | 18.3 |
| 5. | Majlis Daerah Rembau | 1.60 | 7.44 | 21.5 |
| 6. | Majlis Perbandaran Jempol * | 2.28 | 17.80 | 12.8 |
| 7. | Majlis Daerah Jelebu * | 1.83 | 8.01 | 22.8 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Pilah * | 1.73 | 14.06 | 12.3 |
| **JUMLAH** | | **96.16** | **353.08** | **27.2** |

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018
Nota: (*) - Belum Beraudit

## 8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)

Pengauditan terhadap *Key Audit Areas* turut dilaksanakan terhadap agensi bagi beberapa aspek pengurusan kewangan iaitu geran pembangunan, pinjaman, pelaburan dan cukai taksiran. Penemuan *Key Audit Areas* bagi agensi di Negeri Sembilan adalah seperti dalam **Jadual 22.**

**JADUAL 22**
**ISU BERKAITAN GERAN PEMBANGUNAN, PINJAMAN, PELABURAN DAN CUKAI TAKSIRAN**

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>KEY AUDIT AREAS</th><th>ISU BERKAITAN KEY AUDIT AREAS</th></tr>
<tr><td rowspan="4">1.</td><td rowspan="4">Geran Pembangunan</td><td>Majlis Perbandaran Nilai (MPN)<br><br>Pengiktirafan Geran Tertunda<br><br>MPN telah merekodkan kenderaan yang diperoleh daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berjumlah RM185,807 sebagai geran tertunda. Namun, tiada surat ikatan diberikan kepada pihak MPN oleh pihak KPKT.<br><br>Merujuk kepada MPSAS 23 (Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran) Perenggan 44, aliran masuk sumber daripada urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali sekatan liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama.</td></tr>
<tr><td>Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP)<br><br>i. Geran Pembangunan – Tiada Dokumen Sokongan<br><br>Terdapat pergerakan transaksi akaun pada tahun kewangan semasa di mana terdapat tambahan geran pembangunan sejumlah RM1.14 juta dan pelunasan sejumlah RM1.01 juta. Bagaimanapun pengesahan transaksi akaun tidak dapat dibuat. Pihak Audit hanya menerima senarai geran pembangunan dan tiada dokumen sokongan lain seperti surat, minit mesyuarat atau kertas kerja projek diserahkan bagi membolehkan ujian audit atas tambahan geran dan pelunasan geran dibuat.</td></tr>
<tr><td>ii. Geran Belian Harta – Pelunasan<br><br>Pada tahun semasa, akaun geran tertunda bagi belian harta berjumlah RM3.47 juta menunjukkan tambahan sejumlah RM21,955 dan pelunasan sejumlah RM290,438. Dokumen sokongan bagi menyokong transaksi ini tidak dikemukakan.</td></tr>
<tr><td>iii. Geran Belian Harta – Basis Pengiktirafan<br><br>Basis pengiktirafan bagi geran belian harta tidak dapat disahkan benar dan saksama sejumlah RM69,942 berikutan tiada dokumen sokongan. Sekiranya item yang diterima oleh MDKP adalah sumbangan pihak ketiga dan ia bukan geran bersyarat maka ia perlu diiktiraf sebagai hasil dan dinilai pada harga pasaran mengikut tarikh penerimaan seperti yang dinyatakan di dalam MPSAS 23.44 dan MPSAS 23.42.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pinjaman</td><td>Yayasan Negeri Sembilan (YNS)<br>Pengesahan Baki Yang Belum Terima<br><br>a. Pihak Audit masih lagi belum menerima pengesahan baki daripada pihak penghutang pinjaman pelajaran berjumlah RM1.98 juta, walaupun surat pengesahan baki yang kedua telah dihantar.<br><br>b. Laporan pengumuran bagi penghutang pinjaman pelajaran tidak disediakan.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">3.</td><td rowspan="2">Pelaburan</td><td>Yayasan Negeri Sembilan (YNS)<br>i. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari<br><br>a. Pendapat Berteguran telah diberikan kepada penyata kewangan beraudit Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (KAYNS) oleh Juruaudit KAYNS dan maklum balas belum diterima bagi perkara berikut:</td></tr>
<tr><td>• As described in Note 5 to the financial statements, we were unable to verify the existence of trade receivables amounting to RM10,401,299 due to unavailability of audit documents. This is because we cannot verified the status of the trade debtors whether they are still in debt with the Company.</td></tr>
</table>

| BIL. | *KEY AUDIT AREAS* | ISU BERKAITAN *KEY AUDIT AREAS* |
|---|---|---|
| | | • *We are also unable to obtain sufficient appropriate audit evidence over the students' ability to repay the outstanding balances.* |
| | | • *Included in the Company's trade receivables is an amount RM2,308,679.67 due from trade debtors that have been past due at the year end.* |
| | | b. Nilai aset bersih (NTA) bagi pelaburan di dalam syarikat Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (pegangan sepenuhnya) berjumlah RM8.96 juta dengan kos pelaburan berjumlah RM4.95 juta. Bagaimanapun, YNS telah membuat peruntukan rosot nilai bagi pelaburan dalam syarikat ini dalam tahun semasa berjumlah RM816,884. Keperluan rosot nilai adalah tidak wajar. |
| | | c. Dokumen sokongan untuk tambahan pelaburan di dalam subsidiari, Rembau Crystal Sdn. Bhd. menunjukkan sebanyak 40,000 unit saham telah dibeli oleh YNS pada kos RM0.30 seunit menjadikan jumlah kos pelaburan sebanyak RM12,000 dan bayaran telah dibuat sebanyak RM11,700 dan RM300 pada 17.4.2018 dan 5.4.2018 masing-masing.<br><br>Bagaimanapun kos pelaburan yang telah direkodkan dalam lejar am adalah sebanyak RM40,000 di mana terdapat perbezaan sebanyak RM28,000 dari kos asal. |
| | | d. NTA bagi pelaburan di dalam syarikat Rembau Crystal Sdn. Bhd. (pegangan sepenuhnya) berjumlah RM332,637, di mana jumlah kos pelaburan selepas tambahan tahun semasa RM12,000 adalah berjumlah RM964,870.<br><br>Bagaimanapun, YNS telah terlebih peruntuk rosot nilai bagi pelaburan dalam syarikat ini dalam tahun semasa sebanyak RM4,675. |
| | | **ii. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu**<br><br>a. NTA bagi pelaburan di dalam syarikat Nadi Perangsang Sdn. Bhd. berjumlah RM47,741 (negatif), di mana jumlah kos pelaburan adalah berjumlah RM40,000. Bagaimanapun, YNS hanya membuat peruntukan rosot nilai bagi pelaburan dalam syarikat ini sebanyak RM11.01 juta. Peruntukan rosot nilai sepenuhnya adalah diperlukan. |
| | | b. Penyata kewangan beraudit bagi syarikat Budaya YNS Sdn. Bhd. belum diterima. Sehubungan dengan itu, semakan NTA tidak dapat dibuat untuk menentukan sama ada pelaburan di dalam syarikat ini perlu dirosot nilai ataupun tidak. Jumlah pelaburan di dalam syarikat ini adalah RM30,000. |
| | | **iii. Pelaburan Lain**<br><br>Pihak Audit belum menerima penyata kewangan beraudit syarikat Laidah Gas Sdn. Bhd. Sehubungan dengan itu, semakan NTA tidak dapat dibuat untuk menentukan sama ada pelaburan di dalam syarikat ini perlu dirosot nilai ataupun tidak. Jumlah pelaburan di dalam syarikat ini adalah RM13,242. |

| BIL. | *KEY AUDIT AREAS* | ISU BERKAITAN *KEY AUDIT AREAS* |
|---|---|---|
| 4. | Cukai Taksiran | **Majlis Daerah Rembau (MDR)**<br>**Perbezaan Hutang Ragu**<br><br>Mengikut polisi MDR, peruntukan hutang ragu adalah hutang yang telah melebihi lima (5) tahun. Pihak MDR (Unit Kewangan) telah merekodkan sejumlah RM488,789.97 di dalam penyata kewangan sebagai amaun tunggakan cukai taksiran yang melebihi lima (5) tahun seperti yang dinyatakan pada dokumen sokongan penyata hasil dan tunggakan pada tahun berakhir 31 Disember 2018. Berdasarkan temu bual yang dibuat dengan pegawai MDR, sistem ePBT tidak memberi laporan pengumuran yang tepat kerana terdapat beberapa kelemahan. Oleh itu, sistem pengumuran manual telah disediakan. Menurut pegawai di Unit Penilaian, peruntukan hutang ragu yang seharusnya dilaporkan di dalam penyata kewangan adalah seperti di laporan pengumuran manual berjumlah RM468,163. Perbezaan ini akan memberi kesan terhadap penghutang bersih cukai taksiran. |
| | | **Majlis Perbandaran Jempol (MPJ)**<br>**Perbezaan Jumlah Tunggakan Hasil – Cukai Taksiran Am**<br><br>Terdapat perbezaan antara penyata kewangan (RM2.28 juta) dan dokumen sokongan (RM2.26 juta) berjumlah RM17,801 bagi tunggakan hasil cukai taksiran am. Perbezaan yang dinyatakan adalah tidak material namun dikhuatiri akan memberi impak yang besar sekiranya berlaku secara berterusan. |
| | | **Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP)**<br>**i. Laporan Umuran Tidak Lengkap**<br><br>Sistem ePBT 2.0 hanya menunjukkan laporan umuran bagi pemilik akaun yang aktif sahaja. Perkara ini menyebabkan amaun di antara penyata kewangan (RM1.73 juta) dan laporan umuran (RM1.72 juta) terdapat perbezaan sejumlah RM6,885. |
| | | **ii. Kecukupan Peruntukan Hutang Ragu**<br><br>MDKP telah merekodkan peruntukan hutang ragu berjumlah RM10,089 pada tahun semasa. Hasil semakan mendapati MDKP hanya membuat peruntukan ke atas satu pemegang akaun di mana taksiran tidak dapat dibuat berikutan rumah yang didiami oleh pemegang akaun telah terbakar.<br><br>Polisi perakaunan MDKP menyatakan tunggakan cukai taksiran am yang melebihi RM3,000 dan tempoh tunggakan melebihi 48 bulan akan diiktiraf sebagai elaun rosot nilai. Amaun yang direkodkan di penyata kewangan berjumlah RM10,089 manakala amaun tunggakan penghutang melebihi 48 bulan seperti di laporan umuran 2018 berjumlah RM1.10 juta. Hasil ujian Audit mendapati pihak MDKP terkurang catat peruntukan hutang ragu berjumlah RM1.09 juta. Bagaimanapun, amaun ini tidak dapat disahkan benar dan saksama kerana terdapat keraguan terhadap maklumat di dalam laporan umuran. |

Sumber: Surat Pengurusan BBN/PBT Tahun 2018

## 9. RUMUSAN AUDIT

9.1. Secara keseluruhannya, sebanyak sembilan (9) penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dan satu (1) Pendapat Berteguran. Sebanyak empat (4) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 30 Ogos 2019 iaitu MAINS, MPJ, MDJ, dan MDKP.

## 9.2. Prestasi Kewangan Agensi

9.2.1. BBN dan MAI telah mencatatkan keuntungan tahun semasa sejumlah RM6.14 juta pada tahun 2018 menurun sejumlah RM17.90 juta (74.5%) berbanding tahun 2017. Manakala lebihan pendapatan terkumpul sejumlah RM399.68 juta pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM45.59 juta (12.9%). Jumlah aset pula meningkat sejumlah RM41.84 juta (6.0%). Bagaimanapun, aset semasa bersih menurun sejumlah RM60.05 juta (38.9%) berbanding tahun 2017.

9.2.2. PBT telah mencatatkan peningkatan defisit sejumlah RM206.70 juta (643.1%) berbanding tahun sebelumnya di mana defisit keseluruhan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 sejumlah RM238.84 juta. Semua PBT mencatatkan defisit bagi tahun 2018. Pada 31 Disember 2018, aset semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM96.79 juta iaitu menurun sejumlah RM12.30 juta (11.3%) berbanding pada 31 Disember 2017.

## 9.3. Bidang Utama Audit

9.3.1. Pengauditan bidang utama audit bagi geran pembangunan telah membangkitkan penemuan berkaitan dokumen sokongan yang tidak dapat diserahkan bagi menyokong transaksi tambahan dan pelunasan geran pembangunan. *Basis* pengiktirafan juga tidak dapat disahkan tanpa dokumen sokongan yang lengkap.

9.3.2. Pengauditan bidang utama audit bagi pinjaman menyatakan penemuan berkaitan pengesahan baki dari pihak penghutang pinjaman pelajaran yang tidak diterima dan laporan pengumuran yang tidak diserahkan bagi tujuan pengauditan.

9.3.3. Pengauditan bidang utama audit bagi pelaburan membangkitkan penemuan berkaitan penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari yang diberikan Pendapat Berteguran dan sekali gus melibatkan Pendapat Audit terhadap penyata kewangan agensi terlibat. Penyata kewangan agensi turut melaporkan jumlah peruntukan rosot nilai terlebih nyata dan jumlah kos pelaburan terlebih nyata bagi jumlah pelaburan dalam syarikat subsidiari. Manakala peruntukan rosot nilai terkurang nyata dilaporkan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu. Penemuan lain melibatkan penyata kewangan beraudit bagi syarikat bersekutu dan pelaburan lain tidak diterima bagi tujuan pengauditan.

9.3.4. Pengauditan bidang utama audit bagi cukai taksiran pula membangkitkan penemuan baki akhir cukai taksiran dan baki akhir tunggakan cukai taksiran yang

tidak sama di antara penyata kewangan dan dokumen sokongan berkaitan. Jumlah peruntukan hutang ragu yang dicatatkan di dalam penyata kewangan berbeza dengan dokumen sokongan berkaitan. Kecukupan peruntukan hutang ragu yang direkodkan juga dibangkitkan berdasarkan polisi perakaunan yang telah ditetapkan oleh pihak agensi sendiri.

## 10. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa;

10.3. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif bagi meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan; dan

10.4. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas bagi tujuan yang ditetapkan.

# BAHAGIAN IV

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

# BAHAGIAN IV

## PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

### 1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2017 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 17 Disember 2018. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Siri 1 dan 2 juga dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tarikh yang sama.

### 2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri yang baharu telah ditubuhkan melalui usul yang diluluskan di Persidangan Ketiga (Belanjawan) bagi Penggal Pertama pada 17 Disember 2018. Peranan Jawatankuasa yang bermesyuarat secara berkala adalah untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam dengan membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi kerajaan Negeri. Sepanjang tempoh antara bulan Jun 2018 sehingga Ogos 2019, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat dua (2) kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2016 Siri 2, Tahun 2017 Siri 1 dan 2. Pada kedua-dua mesyuarat tersebut, Pengarah Audit Negara Negeri Sembilan telah membentangkan kepada ahli Jawatankuasa kedudukan di paparan *AG Dashboard* bagi isu-isu yang dibangkitkan di dalam LKAN berkaitan. Ringkasan perkara yang dibentangkan kepada Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1.**

**JADUAL 1**
**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA**
**WANG AWAM NEGERI BAGI TEMPOH JUN 2018 HINGGA JULAI 2019**

<table>
<tr><th>TARIKH</th><th>JABATAN/AGENSI</th><th>STATUS AG DASHBOARD BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGIKUT TAHUN DAN SIRI</th></tr>
<tr><td colspan="3">MESYUARAT BIL. 1/2019</td></tr>
<tr><td rowspan="3">23.07.2019</td><td>LKAN Tahun 2016 Siri 2<br>1. Pengurusan Kawal Selia Sumber Air<br>• Badan Kawal Selia Air (BKSA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS)<br>2. Pengurusan Skim Bantuan Am<br>• Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan<br>3. Projek Pembangunan dan Penyenggaraan Teknologi Maklumat<br>• Unit Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS)<br>4. Syarikat Kerajaan<br>• Lambang Tunas Sdn. Bhd.<br>5. Syarikat Kerajaan<br>• YNS Management Sdn. Bhd.</td><td>Jawatankuasa mengambil maklum kedudukan di paparan AG Dashboard berkenaan:<br>1. LKAN Tahun 2016 Siri 2 seperti berikut:<br>• 13 isu masih dalam tindakan<br>• Satu (1) isu melibatkan pengauditan Pengurusan Kawal Selia Sumber Air;<br>• 13 isu melibatkan pengauditan syarikat Lambang Tunas Sdn. Bhd.</td></tr>
<tr><td>LKAN Tahun 2017 Siri 1<br>6. Perkhidmatan Pengembangan Teknologi Pertanian<br>• Jabatan Pertanian Negeri Sembilan<br>7. Pembinaan Kemudahan Awam di Mukim Daerah Kuala Pilah<br>• Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah<br>8. Syarikat Kerajaan<br>• MAINS Holdings Sdn. Bhd.</td><td>2. LKAN Tahun 2017 Siri 1 seperti berikut:<br>• 13 isu masih dalam tindakan<br>• Lima (5) isu melibatkan pengauditan Pembinaan Kemudahan Awam di Mukim Daerah Kuala Pilah;<br>• Lapan (8) isu melibatkan pengauditan syarikat MAINS Holdings Sdn. Bhd.</td></tr>
<tr><td>LKAN Tahun 2017 Siri 2<br>9. Pengurusan Gerai dan Pasar<br>• Majlis Perbandaran Seremban<br>10. Syarikat Kerajaan<br>• Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.</td><td>3. LKAN Tahun 2017 Siri 2 seperti berikut:<br>• Tujuh (7) isu masih dalam tindakan<br>• Enam (6) isu melibatkan pengauditan Pengurusan Gerai dan Pasar;<br>• Satu (1) isu melibatkan pengauditan syarikat Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.</td></tr>
<tr><td colspan="3">MESYUARAT BIL. 2/2019</td></tr>
<tr><td rowspan="2">08.08.2019</td><td>LKAN Tahun 2016 Siri 2<br>1. Syarikat Kerajaan<br>• Lambang Tunas Sdn. Bhd.</td><td>Jawatankuasa mengambil maklum kedudukan di paparan AG Dashboard berkenaan:<br>1. LKAN Tahun 2016 Siri 2 seperti berikut:<br>• Satu (1) isu masih dalam tindakan melibatkan pengauditan syarikat Lambang Tunas Sdn. Bhd.</td></tr>
<tr><td>LKAN Tahun 2017 Siri 2<br>2. Pengurusan Gerai dan Pasar<br>• Majlis Perbandaran Seremban (MPS)</td><td>2. LKAN Tahun 2017 Siri 2 seperti berikut:<br>• Satu (1) isu masih dalam tindakan melibatkan pengauditan Pengurusan Gerai dan Pasar (MPS).</td></tr>
</table>

Sumber: Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sembilan

# PENUTUP

# PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Dari segi prestasi kewangannya, secara keseluruhan kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2018 adalah stabil. Jabatan/agensi negeri perlu memberi lebih fokus dalam pengurusan kewangan dengan memberi tumpuan terhadap aspek kawalan pengurusan kewangan yang lemah. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit dan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara seperti berikut:

a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu; dan

b. Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan sistem semak dan imbang, pemantauan yang lebih kerap dan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai membuat keputusan berkaitan pengurusan kewangan tanpa pengetahuan yang sewajarnya.

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**
**21 Oktober 2019**

# LAMPIRAN

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Sembilan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Sembilan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

2 / 4

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Sembilan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Sembilan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

3 / 4

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Sembilan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini diangkat untuk perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(DATO' NIK AZMAN BIN NIK ABDUL MAJID)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 JUN 2019

4 / 4

**LAMPIRAN II**

# PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DAN BENDAHARI NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2018.

**YB. MOHD KHIDIR BIN MAJID**
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus
28 Januari 2019

**MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN**
Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus
28 Januari 2019

## LAMPIRAN III

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

**pada 31 Disember 2018**

| | Nota | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| WANG AWAM | | | |
| WANG TUNAI | 3 | 289,542,253.79 | 357,941,481.22 |
| PELABURAN | 4 | 398,224,304.29 | 368,024,304.29 |
| | | 687,766,558.08 | 725,965,785.51 |
| DIPEGANG BAGI: | | | |
| KUMPULAN WANG DISATUKAN | | | |
| AKAUN HASIL DISATUKAN | 5 | 369,305,179.06 | 342,852,522.14 |
| AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | 6 | 0.00 | 0.00 |
| AKAUN AMANAH DISATUKAN | 7 | 318,461,379.02 | 383,113,263.37 |
| | | **687,766,558.08** | **725,965,785.51** |

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LAMPIRAN IV**

# Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

**bagi tahun berakhir 31 Disember 2018**

| | 2018 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|
| | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) |
| **HASIL** | | | | |
| Hasil Cukai | 136,419,588.44 | | 138,267,601.28 | |
| Hasil Bukan Cukai | 223,367, 249.64 | | 204,714,279.06 | |
| Terimaan Bukan Hasil | 61,454, 039.18 | | 70,475,266.33 | |
| | | 421,240,877.26 | | 413,457,146.67 |
| **PINJAMAN** | | | | |
| Pinjaman Dalam Negeri | 0.00 | | 0.00 | |
| | | 0.00 | | 0.00 |
| **TERIMAAN MODAL** | | | | |
| Pelbagai Terimaan Modal | 20,281,288.46 | | 20,046,516.99 | |
| Jualan Instrumen Kewangan | 0.00 | | 0.00 | |
| | | 20,281,288.46 | | 20,046,516.99 |
| **TERIMAAN LAIN** | | | | |
| Terimaan Amanah | 0.00 | | 177,622,790.08 | |
| | | 0.00 | | 177,622,790.08 |
| **JUMLAH TERIMAAN** | | 441,522,165.72 | | 611,126,453.74 |
| **BAYARAN** | | | | |
| **PERBELANJAAN MENGURUS** | | | | |
| Emolumen | (151,308,298.11) | | (146,518,832.25) | |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | (83,906,406.09) | | (84,376,324.85) | |
| Aset | (3,932,659.36) | | (1,695,096.24) | |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap | (74,489,530.93) | | (79,960,380.84) | |
| Perbelanjaan Lain | (4,119,407.45) | | (979,493.08) | |
| | | (317,756,301.94) | | (313,530,127.26) |
| **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN** | | | | |
| Langsung | (96,292,997.92) | | (105,083,673.29) | |
| Pinjaman | 0.00 | | 0.00 | |
| | | (96,292,997.92) | | (105,083,673.29) |
| **PERBELANJAAN MODAL** | | | | |
| Pelbagai Perbelanjaan Modal | 0.00 | | 0.00 | |
| Pembelian Instrumen Kewangan | (30,200,000.00) | | (8,000,000.00) | |
| | | (30,200,000.00) | | (8,000,000.00) |
| **BAYARAN BALIK PINJAMAN** | | | | |
| Pinjaman Dalam Negeri | (776,000.00) | | (6,737,371.66) | |
| Pinjaman Kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah | 0.00 | | 0.00 | |
| | | (776,000.00) | | (6,737,371.66) |
| **BAYARAN LAIN** | | | | |
| Bayaran Amanah | (64,896,093.29) | | 0.00 | |
| | | (64,896,093.29) | | 0.00 |
| **JUMLAH BAYARAN** | | (509,921,393.15) | | (433,351,172.21) |
| Tambahan / (Kurangan) Wang tunai | | (68,399,227.43) | | 177,775,281.53 |
| Wang tunai Pada, 31 Disember 2017 | | 357,941,481.22 | | 180,166,199.69 |
| Wang tunai Pada, 31 Disember 2018 | | 289,542,253.79 | | 357,941,481.22 |

**LAMPIRAN V**

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

| | Nota | 2018 Anggaran RM | 2018 Sebenar RM | 2017 Sebenar RM |
|---|---|---|---|---|
| **HASIL** | 5 | 412,000,000.00 | 421,240,877.26 | 413,457,146.67 |
| *Tolak* : | | | | |
| Belanja Mengurus * | 5 | 318,032,500.00 | 318,532,301.94 | 320,267,498.92 |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL** | | **93,967,500.00** | **102,708,575.32** | **93,189,647.75** |
| *Tolak* : | | | | |
| Belanja Pembangunan | 7 | 115,763,500.00 | 96,292,997.92 | 105,083,673.29 |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN** | | **(21,796,000.00)** | **6,415,577.40** | **(11,894,025.54)** |
| **LEBIHAN DISOKONG OLEH / (KURANGAN DIBIAYAI OLEH):** | | | | |
| Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri | 6 | | 0 | 0 |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | 7 | | (20,281,288.46) | (20,046,516.99) |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | 3,4 | | 26,696,865.86 | 8,152,491.45 |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN** | | | **6,415,577.40** | **(11,894,025.54)** |

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

* *Belanja mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada kumpulan wang pembangunan.*

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**
**pada 31 Disember 2018**

| | Nota | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|---|
| MEMORANDUM ASET | | | |
| Pinjaman Boleh Dituntut | 8a | 51,683,378.47 | 54,844,130.01 |
| Pelaburan | 8b | 47,000,000.00 | 47,000,000.00 |
| MEMORANDUM LIABILITI | | | |
| Hutang Kerajaan Negeri | 9 | 936,761,129.59 | 937,537,129.59 |

**Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

## DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### 1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

   i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

   ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan mengenai pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

   iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat da terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:

